

**P. Pinang komited
bangunkan
modal insan**

MS 1 & 3



**Lantikan Ahli-ahli
Majlis PBT baru**

MS 25



buletin **Mutiara**

PERCUMA



www.buletinmutiara.com



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>

<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

1 – 15 JANUARI, 2017

i-BITA, daftar masuk universiti di Sarawak, Sabah layak terima RM1,200 mulai tahun ini

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI & ZAINULFAQAR YAACOB**

Gambar : **ALISSALA THIAN & DARWINA MOHD. DAUD**

BERTAM - Mulai tahun ini, mahasiswa yang berjaya melanjutkan pengajian ke universiti terpilih di Sabah dan Sarawak akan diberi RM1,200 melalui program Bantuan Pendaftaran Pelajar ke IPT atau i-BITA oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang.

Malah, bagi universiti awam dan beberapa universiti terpilih lain di Semenanjung Malaysia, jumlah bantuan dikekalkan pada kadar RM1,000 mengikut ketetapan syarat-syarat yang ditetapkan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pertambahan RM200 itu adalah bagi menampung kos penerbangan mahasiswa peringkat sarjana muda dan diploma, sebagaimana disyorkan oleh kebanyakan ibu bapa baru-baru ini.

"Ini kerana, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang hari ini sedar bahawa mahasiswa juga seperti rakyat,

turut mengalami kos sara hidup yang tinggi termasuk kenaikan yuran pengajian di sesetengah universiti.

"Kenaikan kos sara hidup mahasiswa adalah susulan daripada kenaikan harga komoditi, bahan bakar serta langkah Kerajaan Pusat melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sejak 1 April 2015," katanya pada Majlis Penyampaian Bantuan Pendaftaran Pelajar ke IPT (institusi pengajian tinggi) Peringkat Seberang Perai di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti), Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Tanasekharan, Dato' Mohd. Salleh Man (ADUN Permatang Pasir) dan Soon Lip Chee (ADUN Jawi).

Menurut Guan Eng, pemberian Bantuan Pendaftaran Pelajar ke IPT mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dalam pembangunan modal insan di negeri ini.

"Pulau Pinang tidak mempunyai hasil alam semula jadi seperti balak dan minyak, tetapi mempunyai modal insan yang boleh dibanggakan.

"Sebab itu, Kerajaan Negeri hari ini memberi perhatian khusus terhadap pembangunan modal insan di Pulau Pinang," ujarnya dan turut menekankan bahawa bantuan yang disampaikan merupakan hasil daripada dividen anti-rasuah yang diamalkan Kerajaan Negeri PH sejak 2008.

Pada majlis berkaitan, seramai 498 mahasiswa peringkat ijazah sarjana muda dan penuntut diploma (238) dari Daerah Seberang Perai Utara (SPU) menerima bantuan berwajib sejumlah RM736,000. Bagi Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), seramai 602 mahasiswa peringkat ijazah sarjana muda dan penuntut diploma (215) menerima bantuan berwajib sejumlah RM817,000. Manakala, 289 mahasiswa peringkat ijazah sarjana muda dan penuntut diploma (79) dari Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) menerima bantuan sama berjumlah RM368,000.

Dalam majlis berasingan, Guan Eng menyampaikan bantuan pendidikan berwajib kepada 888 pelajar terpilih dari Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya.

REAKSI PENERIMA:



MOHD. RUSAZNAN SHARIFF.

Bagi **MOHD. RUSAZNAN SHARIFF**, 45, beliau amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana peduli akan masalah rakyat.

"Walaupun Ketua Menteri kata

RM1,000 ni tak banyak, tapi bagi saya, RM1,000 ini betul-betul bantu meringankan sikit 'poket' saya, apatah lagi anak saya kini di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Selangor, jauh dari(pada) keluarga.

"Adanya bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri ni, dapatlah digunakan untuk membeli buku atau kegunaan harian anak. Lagipun duit PTPTN (Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Negara) hanya lepas yuran pengajian sahaja," katanya yang hadir bersama-sama isteri, Hajar Morad, 42, dari Permatang Damar Laut, Batu Maung.

Rusaznan yang hanya bekerja di salah sebuah kilang, manakala isteri seorang suri rumah sepuh masa turut tidak menyangka bahawa

banyak program kebajikan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang.

"Apabila hadir ke majlis seperti ini, baru saya tahu rupanya banyak program lain yang memberi bantuan kewangan demi kebajikan dan peduli rakyat," katanya dengan girang.

Bagi pelajar Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang,



S. KRUTIGA.

S. KRUTIGA, 23, pemberian bantuan kewangan RM1,000 tersebut sedikit-sebanyak membantu meringankan bebanan kewangan keluarganya.

Anak bongsu daripada dua adik-beradik itu turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana membantu rakyat tanpa mengenal latar belakang agama, kaum dan politik.

Nada sama turut disuarakan ibunya, K. Sabakiam, 58, seorang jururawat di salah sebuah hospital swasta dan bapanya, M. Sivanantham, 54.

Bagi **CHE SU CHE MAT**, 53, dari Batu Ferringhi, beliau bersyukur dengan bantuan kewangan yang diterima.

"Apabila anak masuk IPT ni, banyak belanja... pakai duit banyak, jadi duit RM1,000 yang



CHE SU CHE MAT.

diterima ni dapatlah menampung kos pengajian," katanya yang hadir mewakili anaknya yang kini berada di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Kelantan.

Penerima, **LEONG KHAI WEN**, 20, menyatakan bahawa

(Sambungan di muka 2)

Lantikan PPK bukti KN tidak pinggir KADUN pembangkang

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

GEORGE TOWN – Lantikan 12 Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan tidak pernah meminggirkan atau menganaktirikan KADUN-KADUN dikuasai pihak pembangkang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, dalam tempoh lapan tahun, Pulau Pinang di bawah Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) berupaya membela secara saksama dan adil kepada semua rakyat tanpa mengira latar belakang.

"Ini jelas terbukti apabila Kerajaan Negeri memperkenalkan program-program Emas yang telah memanfaatkan 1.6 juta rakyat Pulau Pinang melalui bantuan kewangan RM400 juta sejak 2008.

"Malah, bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) bagi perkhidmatan kerajaan tempatan (PBT) juga ditanggung sepenuhnya oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) termasuk pengecualian cukai pintu bagi rumah kos rendah, sederhana rendah dan rumah kampung.

Terkini, turut dilaksanakan, potongan 6 peratus cukai pintu untuk semua hartaan termasuk hartaan komersial serta lain-lain insentif lagi hasil urus tadbir Cekap, Akauntabel dan Telus, CAT.

"Pelaksanaan semua insentif dan program-program Emas berkaitan adalah secara menyeluruh kepada semua rakyat Pulau Pinang dan meliputi semua Kawasan-kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) termasuk di bawah ADUN-ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri) Barisan Nasional (BN) di negeri ini," katanya pada Majlis Pengakuan Menerima Jawatan Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Sesi 2017 di sini 6 Januari lalu.

Majlis lafaz akad menerima jawatan disempurnakan di hadapan Ketua Menteri dan turut disaksikan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim.

Turut hadir, Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, ADUN Jawi, Soon Lip Chee, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari dan Pegawai



PPK-PPK yang dilantik bergambar kenangan bersama Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Pengakuan Menerima Jawatan PPK Sesi 2017 di sini baru-baru ini.

Penerangan Kerajaan Negeri, Zahar Zainul.

Guan Eng dalam pada itu meminta supaya semua PPK agar menggalas amanah dan tanggungjawab sebaik mungkin terutama dalam penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat setempat agar mereka tidak diabaikan.

"Untuk itu, PPK disarankan agar sentiasa mendekati masyarakat setempat melalui penganjuran program-program kemasyarakatan dan kebajikan Kerajaan Negeri.

"Lebih penting lagi, menyalurkan maklumat berhubung pelbagai inisiatif dan pencapaian Kerajaan Negeri termasuk dalam hal ehwal pendidikan kepada rakyat di kawasan yang diwakili.

"Rakyat perlu tahu bahawa Kerajaan Negeri hari ini bukan sahaja menekankan soal pencapaian ekonomi, tetapi juga pendidikan terutamanya STEM, iaitu Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik," ujarnya yang turut menzahirkan ucapan tahniah kepada PPK yang dilantik.

Lantikan bagi tahun 2017, menampilkan seorang wajah baru iaitu Ramli Omar sebagai Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Penaga.

Manakala yang kekal ialah Rosli Hassan (PPK Sungai Dua), Ahmad Fahmi A. Bakar (PPK Permatang Berangan); Mustafa Kamal Ahmad (PPK Teluk Air Tawar), Azrul Mahathir Aziz (PPK Bayan Lepas), Muhasdey Muhamad (PPK Pinang Tunggal); Asrol Sani Abdul Razak (PPK Bertam); Azmi Samsudin (PPK Sungai Aceh); Mohd. Tuah Ismail (PPK Pulau Betong) dan Halil Sabri Hamid (PPK Teluk Bahang).

Turut mengangkat sumpah ialah dua Pegawai Penyelaras Khas Ketua Menteri, Lay Hock Peng (Parlimen Kepala Batas) dan Azhar Mat Dali (Permatang Pasir).

*Rujuk muka 14 untuk senarai penuh PPK berserta nombor telefon masing-masing.

(Sambungan dari muka 1)



LEONG Khai Wen.

bantuan RM1,000 itu akan digunakan untuk membeli buku rujukan sesi semester pengajian akan datang.

"Sebagai anak Pulau Pinang, saya bangga kerana dihargai oleh Kerajaan Negeri hari ini.


"Lazimnya, yuran pengajian dipotong (secara langsung) daripada PTPTN, maka bantuan RM1,000 daripada Kerajaan Negeri akan disimpan untuk membeli buku rujukan yang diperlukan nanti," ujarnya, mahasiswa tahun 1

Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP).

Mahasiswa tahun 1 Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), **SITI NASIHAH ROSLI**, 19, pula berkata, RM1,000 itu akan digunakan untuk menampung kos sara hidup di kampus kelak, jika terdesak.

"Mesti rasa bertuah kerana Ketua Menteri sendiri menyampaikan bantuan RM1,000 ini, sangat bangga sebagai anak Pulau Pinang.

"Yuran pengajian lebih RM600 setiap semester, tapi saya fikir RM1,000 mungkin



SITI Nasihah Rosli.

saya belanja untuk kecemasan kerana semua barang keperluan sekarang secara umumnya agak mahal," jelasnya.

Nada sama turut diluahkan penerima, **P. THIVIYASHNI**, 20, mahasiswa jurusan Pengajian Asia Tenggara di Universiti Malaya (UM) dekat Kuala Lumpur.

"Saya begitu gembira, pertama sebagai anak jati Pulau Pinang yang dihargai oleh Kerajaan Negeri, dan kedua, saya bersama-sama ibu bapa saya berpeluang merakamkan gambar dengan Y.A.B. Lim Guan Eng.

"Saya masih tiada rancangan khusus untuk membelanja RM1,000 bantuan ini, tetapi kos



P. Thiviyashni sekeluarga merakam gambar kenangan bersama Ketua Menteri pada Majlis Penyampaian Bantuan Pendaftaran Pelajar ke IPT Peringkat Seberang Perai di sini baru-baru ini.

sara hidup yang tinggi di Kuala Lumpur, sudah pasti saya akan berbelanja wang pemberian ini pada sesi pengajian akan datang," seloroh Thiviyashni diiringi ibu, A. Nawaniitham, 49, dan bapa, N. Poopathi, 49.

Tabung Amanah Pinjaman Penuntut kukuh pembangunan modal insan melalui pendidikan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

GEORGE TOWN – Sejak 2008 sehingga kini, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM13.9 juta melalui Tabung Amanah Pinjaman Penuntut yang telah dimanfaatkan 1,543 siswazah pelbagai peringkat pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) serata negara.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika berucap berkata, **prinsip tata kelola dan tadbir urus CAT iaitu Cekap, Akauntabiliti dan Telus yang dipegang Kerajaan Negeri sejak 2008 membolehkan prestasi kewangan negeri mencatatkan lebihan belanjawan.**

“Lebihan belanjawan inilah yang membolehkan kita (Kerajaan Negeri) memberikan pinjaman kepada mereka yang memerlukan untuk melanjutkan

pengajian tanpa mengira kaum, agama dan yang penting, latar belakang politik.

“Usaha ini adalah selaras dengan hasrat kita (Kerajaan Negeri) untuk terus memperkuatkkan pembangunan modal insan melalui pendidikan,” ucapnya pada Majlis Penyerahan Perjanjian Pinjaman Penuntut Negeri Pulau Pinang bagi sesi 2016/2017 di Dewan Sri Pinang baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga merupakan Exco Pendidikan serta Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Dato' Ghazali Derahman.

Guan Eng dalam pada itu turut menzahirkan ucapan syabas dan tahniah kepada siswazah yang berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat IPT sama ada dalam jurusan Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana mahupun Ijazah Kedoktoran.

mendapatkan pinjaman penuntut berjaya.

“Memang syukur sangat-sangat, tambahan bidang pengajian fisiologi di KPJ Healthcare (Nilai, Negeri Sembilan) memerlukan perbelanjaan yang banyak,” ujar anak keempat daripada lima adik-beradik tersebut.

Ibunya, Norseha Abdul Aziz, 54, yang merupakan suri rumah sepenuh masa turut berasa lega.

“Legalah sikit, cuma makcik harap sangat dia (anaknya) dapat berusaha gigih memperoleh Kelas Pertama, mana tuju, pinjaman ini boleh jadi biasiswa,” katanya yang memeluk mesra anaknya itu.



G. Ramendhiran (kiri sekali) bersama-sama dua penuntut lain yang turut menerima pinjaman Tabung Amanah Pinjaman Penuntut Pulau Pinang.

Berlainan pula ceritanya bagi **G. RAMENDHIRAN**, 24, yang telah memasuki semester ketiga pengajian di USM.

“Dua semester sebelum ini, pernah saya buat permohonan, tetapi bukan melalui Tabung Amanah ini.

“Jadi untuk menampung kos pengajian, saya bekerja separuh masa dan dalam masa sama cuba memohon pinjaman pengajian.

“Tak sangka, melalui Unit Penuntut Kerajaan Negeri, permohonan diterima dan sekarang ni, saya lega dan gembira kerana tidak perlu lagi membahagi-bahagi masa antara kerja separuh masa dan pelajaran,” katanya yang berasal dari Sungai Pinang.

Menurut beliau, inisiatif tersebut akan diteruskan dalam usaha Kerajaan Negeri untuk meringankan bebanan kewangan yang ditanggung oleh ibu bapa.

Dalam majlis sama, Guan Eng turut mengumumkan kelulusan Kerajaan Negeri menukar status pinjaman berjumlah RM19,500 sebagai biasiswa kepada Fahmi Ismail kerana berjaya memperoleh keputusan cemerlang, Kelas Pertama.

“Kerajaan Negeri juga berbesar hati memberikan tambahan RM1,000 sebagai insentif kepada beliau dan diharap dapat menjadi contoh kepada penuntut lain,” ujarnya.

Seramai 311 penuntut terpilih daripada 404 penuntut yang ditawarkan pinjaman

HIPP pacu sektor pelancongan perubatan, wujud peluang kerja anak P. Pinang

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

BAYAN BARU – Hospital Islam Pulau Pinang (HIPP) bukan sahaja merupakan hospital patuh syariah pertama yang akan dibangunkan di negeri ini, malah berupaya menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah hub perubatan di rantau ini merangkumi Indonesia, Malaysia dan Thailand (*IMT-Growth Triangle*).

Pengerusi Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP), Dato' Mansor Othman berkata, mengikut laporan Majlis Pelancungan Kesihatan Malaysia (MTHC), jumlah keseluruhan pendapatan daripada pelancongan kesihatan negara pada 2014 adalah sebanyak RM370 juta dan angka tersebut kian meningkat sebanyak RM390 juta (2015).

“Laporan MTHC merekodkan bahawa 60 peratus daripada keseluruhan ‘pelancong kesihatan’ yang datang ke Malaysia memilih Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan utama.

“Ini menunjukkan bahawa potensi HIPP untuk berkembang pesat dan seterusnya memacu ekonomi negeri adalah sangat tinggi, secara tidak langsungnya, ia akan memberikan peluang ekonomi kepada warga negeri Pulau Pinang,” ujarnya yang juga Ahli Parlimen Nibong Tebal pada majlis perasmian HIPP di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan upacara pecah tanah, Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan) dan Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Ketua Pembangkang Parliment Malaysia merangkap Ahli Parliment Permatang Pauh) turut hadir menyaksikan majlis bersejarah tersebut.

HIPP dibangunkan dengan kos sebanyak RM280 juta di atas tanah kepunyaan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dengan keluasan kira-kira lebih 0.8 hektar dan

LAMPIRAN A

Kadar Pinjaman Diberikan Mengikut Kursus		
Sepenuh Masa		Pelajar PJJ dan Luar Kampus
Kursus	Kadar Setahun (RM)	Kadar Setahun (RM)
PhD	8000	-
Sarjana	6500	-
Ijazah Sarjana Muda (Sains)	6000	5000
Ijazah Sarjana Muda (Sastera)	5000	4000
Diploma Lanjutan (Sains)	5000	-
Diploma Lanjutan (Sastera)	4000	-
Diploma	4000	3000
Sijil	2000	-

KADAR pinjaman penuntut yang diberikan mengikut kursus.

penuntut berkenaan.

Kadar pinjaman adalah berbeza mengikut peringkat pengajian iaitu bermula dari RM2,000 hingga RM8,000. Rujuk Lampiran A.

Bagi peminjam yang berjaya memperoleh keputusan cemerlang iaitu dengan CGPA 3.67 dan ke atas, Kerajaan Negeri memberi kemudahan untuk menukar status pinjaman kepada biasiswa mengikut syarat-syarat lain yang ditetapkan.



DR. Abdul Rahman Abbas (dua dari kiri) sambil diiringi barisan kepimpinan Kerajaan Negeri meneliti model bangunan HIPP pada Majlis Pecah Tanah Pembangunan HIPP di sini baru-baru ini.

dijangka akan memulakan operasi sepenuhnya pada tahun 2020.

Terdiri daripada sebuah bangunan 14 tingkat termasuk tujuh tingkat tempat letak kereta, ia akan dilengkapi dengan kemudahan 200 katil termasuk penyediaan 20 katil wakaf yang dibiayai oleh HIPP sebagai satu komitmen dengan tidak mengetepikan golongan kurang berkemampuan dan *dhu-a'-fa*.

Tambah Mansor, pembinaan hospital tersebut juga bakal mewujudkan lebih 1,000 peluang pekerjaan kepada anak-anak Pulau Pinang.

“Antara bidang perubatan yang disediakan ialah pediatrik, ginekologi, endoskopi dan kardiologi, malah, ia juga akan dilengkapi dengan kemudahan pembelajaran untuk melatih doktor dan jururawat.

“Secara tidak langsung, ia dapat membantu warga negeri untuk mendapatkan peluang latihan dalam bidang perubatan serta memberikan satu jaminan ekonomi yang mampar kepada Pulau Pinang.” ujarnya.

Setelah siap kelak, Hospital Pakar An-Nur yang berpusat di Bandar Baru Bangi dipilih sebagai operator HIPP setelah melalui proses saringan ketat sebelum ini.

Apa kata penerima?



NURLINA Anas (kanan).

ANAK sulung daripada empat beradik, **NURLINA ANAS**, 22, yang berjaya melanjutkan pengajian di Universiti Sains Malaysia (USM) dalam bidang komunikasi berasa syukur apabila permohonannya bagi mendapatkan pinjaman melalui Tabung Amanah Pinjaman Penuntut berjaya.

“Saya memang membuat permohonan ini dan alhamdulillah, permohonan diluluskan, sekurang-kurangnya dapatlah meringankan sedikit bebanan kewangan yang ditanggung oleh ibu dan bapa saya.

“Lagipun adik-adik masih bersekolah dan perbelanjaan untuk melanjutkan pengajian juga tinggi,” katanya yang menetap di Tanjung Tokong dekat sini.



NURANIS Syamimi Mohamad Jameel (kanan) ditemani ibunya, **Norseha Abdul Aziz**.

Bagi **NURANIS SYAMIMI MOHAMAD JAMEEL**, 19, dari Penaga, Seberang Perai Utara (SPU), beliau gembira apabila permohonannya untuk

Fasa 3 Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Pulau Burung janji MRF skala lebih besar

Oleh : WATAWA NATAF
ZULKIFLI
Gambar : SHUM JIAN-WEI

JAWI - Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berharap Fasa 3 Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Pulau Burung yang dijangka siap menjelang November 2017 bakal menjadikan pengurusan sisa pepejal di negeri ini lebih efisien.

Beliau yang mengadakan lawatan khas ke Tapak Pelupusan Sisa Pepejal di Pulau Burung baru-baru ini berkata, Fasa 3 yang berkeluasan 315 ekar itu bakal menempatkan kemudahan lebih teratur dari segi pengurusan sisa pepejal serta air resapan sampah berbanding Fasa 1 dan 2 yang hanya berkeluasan 120 ekar.

"Bagi Fasa 3, kita harap tapak pelupusan ini mampu mendapat penarafan Gred 4 (gred tertinggi) berbanding Gred 3 bagi tapak pelupusan di Fasa 1 dan 2.

"Penarafan Gred 4 menjanjikan pengurusan terbaik bagi sisa pepejal, gas dan air resapan sampah untuk mencapai piawaian Jabatan Alam Sekitar (JAS)," ujarnya kepada wakil-wakil media massa yang turut menyertai lawatan berkaitan di sini

baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Besar PLB Terang Sdn. Bhd., Nor Azman Othman yang bertanggungjawab ke atas pengurusan di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Pulau Burung.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee, Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran (JPP) MPSP, Mohd. Puad Hamid dan Pengarah JPP Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Mubarak Junus.

Dalam pada itu, Nor Azman memberitahu, Fasa 3 Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Pulau Burung bakal menjanjikan Kemudahan Rawatan Sisa (MRF) pada skala lebih besar.

"Sekarang di Fasa 1 dan 2, MRF ini boleh kita katakan sebagai bersaiz mini, apabila siap Fasa 3 ianya bertaraf 'kilang' yang mampu memproses bahan-bahan mampu dikitar semula seperti plastik dengan lebih tersusun dan bersih.

"Tidak ketinggalan juga adalah pengurusan air resapan sampah... untuk itu, kita menyediakan kolam takungan rawatan yang lebih besar bagi menjamin kualiti air di kawasan ini terjaga serta melepas piawaian JAS untuk dilepaskan ke sungai dan laut," jelasnya pada sesi taklimat khas yang diadakan.

Tambah Nor Azman, bagi pengurusan sisa air resapan sampah semasa, ianya kini dipantau bersama dengan MPSP dan JAS sebagai jaminan kualiti.

"Apa yang boleh saya katakan, kualiti air yang dirawat di sini kini memuaskan dan masih mengikut piawaian yang ditetapkan," ujarnya.

Mengulas lanjut, Nor Azman turut menyentuh peri pentingnya pengasingan sisa pepejal di punca serta kitar semula.

"Dengan elemen kitar semula dan pengasingan sisa di punca, ianya mampu memanjangkan hayat sesebuah tapak pelupusan sampah.

"Tapak pelupusan di sini, kita jangkakan mampu bertahan sekurang-kurangnya hingga 30 tahun, namun jika rakyat konsisten mengamalkan kitar semula, saya yakin pusat pelupusan ini mampu bertahan lebih (lama) dari itu," katanya.

Pada sesi lawatan tersebut, wakil-wakil media turut dibawa melawat ke tapak MRF dan pusat pelupusan serta menyaksikan sendiri buruh-buruh di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Pulau Burung mengasingkan sisa plastik untuk dikitar semula.

Sebagai rekod, setiap hari, Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Pulau Burung menerima kira-kira 1,800 tan metrik sampah untuk dilupuskan.



CHOW Kon Yeow (tiga dari kanan) bersama Soon Lip Chee (dua dari kanan) memerhatikan para pekerja Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Pulau Burung mengasingkan sisa pepejal plastik untuk dikitar semula pada lawatan khas di sini baru-baru ini.



DUA Ahli Majlis bagi MPSP menadah sisa kitar semula plastik yang bakal diguna semula untuk membuat peralatan-peralatan plastik.

Peruntukan RM220 juta, pembangunan projek tebatan banjir 2017 dikenal pasti

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri telah mengenal pasti pembangunan-pembangunan projek tebatan banjir untuk negeri ini bagi tahun 2017 menerusi peruntukan RM220 juta yang diumumkan pada pembentangan Belanjawan ketika persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, peruntukan tersebut merupakan jumlah paling besar dalam sejarah yang pernah diperuntukan oleh Kerajaan Negeri dalam tempoh 60 tahun sebagai inisiatif untuk mengatasi masalah banjir kilat.

Menurutnya, jumlah RM220 juta tersebut adalah untuk mengatasi cabaran perubahan cuaca yang berlaku kini hingga menyebabkan berlakunya banjir kilat luar biasa.

"Jika kita ikut piawaian lama, sememangnya boleh untuk menghadapi sebarang kemungkinan banjir. Tapi sekarang, masyarakat perlu faham bahawa suhu dunia telah meningkat hingga berlakunya perubahan cuaca tanpa dijangka.

"Musim hujan pendek, tetapi kuantiti air hujan yang turun adalah sangat banyak hingga



IR. Addnan Mohd. Razali (depan, kanan sekali) memberi penjelasan mengenai Projek Tebatan Banjir Jalan Transfer dan Jalan Hutton kepada Ketua Menteri dan Chow Kon Yeow (kiri sekali) pada majlis perasmianya di sini baru-baru ini.

menyebabkan banjir.

"Maka, untuk menyesuaikan dengan keadaan semulajadi ini, Kerajaan Negeri bertindak secara agresif dengan menukar piawaian baru dan memperuntukkan sejumlah besar dana (RM220 juta) untuk mengatasi cabaran perubahan cuaca," ujarnya ketika Majlis Perasmian Projek Kerja-kerja Tebatan Banjir dan Menaiktaraf Sistem Saliran di Jalan Transfer dan Jalan Hutton di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas

kepada agensi-agensi kerajaan bagi menjalankan kajian dan projek-projek tebatan banjir di seluruh negeri Pulau Pinang.

"Daripada jumlah tersebut, RM36 juta diperuntukkan untuk kawasan pulau, manakala selebihnya RM23 juta, Seberang Perai.

"Manakala, pada tahun 2015, Kerajaan Negeri melalui MBPP telah membelanjakan RM5,293,491.08 dan RM3,230,295.95 (2014) untuk projek-projek menaik taraf sistem perparitan di beberapa kawasan," ujarnya yang juga ADUN Air Putih.

Dalam pada itu, Chow Kon Yeow yang turut berucap menyatakan bahawa Projek Tebatan Banjir Jalan Transfer dan Jalan Hutton adalah satu daripada beberapa projek yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri bagi menangani masalah banjir kilat di kawasan pulau untuk tahun 2016.

"M e l a l u i

peruntukan Wang Caruman Perparitan, sejumlah RM6,053,050 telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tebatan Banjir kepada MBPP untuk melaksanakan projek tebatan banjir dan menaik taraf sistem saliran di sini.

"Projek-projek tebatan banjir yang dijalankan adalah bertujuan menguruskan masalah banjir supaya impak banjir dapat dikurangkan kepada tahap yang paling minimum," jelas beliau yang juga ADUN Padang Kota.



KERJA-kerja pemasangan pembenteng yang telah siap dinaik taraf.

Kajian 2 tahun, cari solusi urus pengairan harungi kemarau panjang - Exco

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

PINANG TUNGGAL - Kajian lapangan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Peringkat Persekutuan serta Negeri selama dua tahun sehingga 2018 pada keadaan tahap bekalan air sungai tertentu di Pulau Pinang adalah berdasarkan pengalaman mengharungi musim kemarau panjang *El Nino* pada 2014 dan 2016.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata demikian pada Majlis Kesyukuran Sempena Program Penjadualan Semula Air Untuk Tanaman Padi Bagi Negeri Pulau Pinang 2016.

"Kajian ini adalah untuk tengok balik kesan daripada kemarau panjang, khususnya *Super El Nino* selama hampir tujuh bulan sejak awal tahun 2016.

"Kajian ini akan melibatkan beberapa agensi, duduk berbincang, bagaimana sistem pengairan kita masih boleh berfungsi dengan baik, walaupun mungkin berdepan risiko kemarau panjang lagi kelak," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya di Rumah Pam JPS



DR. Afif Bahardin (lima dari kiri) diberi penjelasan kecanggihan 'MIG1', alatan menyerupai dron yang berfungsi sebagai penyembur racun dari udara ke petak sawah pada Majlis Kesyukuran Sempena Program Penjadualan Semula Air Untuk Tanaman Padi Bagi Negeri Pulau Pinang 2016 di sini baru-baru ini.

Bumbung Lima di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Jabatan Pertanian Negeri, Shahbani Ismail; Jurutera JPS Daerah Seberang Perai Utara (SPU) Saiful Rizal Sanusi; Penolong

Pengarah (Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan) Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), Muhammad Fariz Osman dan Pengetua Institut Pertanian, Rozita Abdul

Hamid.

Demi membantu golongan pesawah, Afif memberitahu bahawa Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) akan menyediakan 40 unit pam air untuk membantu proses pengairan ke petak sawah, jika Pulau Pinang mengharungi sekali lagi musim kemarau panjang pada tahun ini (2017).

Beliau dalam pada itu turut merakamkan penghargaan kepada Jabatan Pertanian Negeri dan semua pesawah yang saling bekerjasama, dalam menjayakan pelan penjadualan bekalan air ke sawah dari tiga jadual kepada lima jadual pada musim *Super El Nino* tahun lalu.

Difahamkan, Kerajaan Negeri mengambil langkah menangguhan sementara aktiviti pengairan serta menyusun semula pengairan mengikut jadual, demi memastikan tiada catuan air yang diperlukan oleh 1.6 juta penduduk di Pulau Pinang dalam mengharungi *Super El Nino* lepas.

Pada majlis sama, Shahbani ketika berucap menyatakan, aktiviti penanaman padi masih dua kali setahun pada kali ini, sungguhpun waktu menuai kali kedua dijadualkan pada awal tahun hadapan.

KN, JPS dalam perancangan laksana 9 projek mitigasi atasi banjir

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPS) kini dalam perancangan untuk melaksanakan sembilan projek mitigasi banjir di kawasan yang berkecenderungan seluruh negeri bagi tempoh tiga tahun akan datang.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, **sembilan projek yang dirancang itu akan menggunakan peruntukan khas Kerajaan Negeri berjumlah RM150 juta (daripada keseluruhan RM220 juta)** seperti yang dinyatakan oleh Ketua Menteri ketika membentangkan Bajet 2017 pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang baru-baru ini.

"RM150 juta diperuntukan oleh Kerajaan Negeri bagi melaksanakan sembilan projek yang dirancang bagi mengatasi masalah banjir di Pulau Pinang.

"Jadi tugas seterusnya, kita (Kerajaan Negeri dan JPS) akan melihat (proses) pelaksanaannya bermula dengan lantikan juru perunding, reka bentuk terperinci, menyediakan dokumen-dokumen kontrak, menjalankan tender dan kemudiannya membuat lantikan.

"Proses ini adalah proses lazim dan ia akan mengambil masa beberapa bulan dan dijangka kerja-kerja akan dilaksanakan menjelang Januari 2018," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut sama, Pengarah JPS Negeri, Ir. Sabri Abdul Mulok dan Timbalannya, S. Ratna Rajah.

Menurut Kon Yeow, beliau amat

berharap dengan pelaksanaan projek-projek mitigasi berkaitan, kawasan yang berkecenderungan (*hotspot*) banjir dapat dikurangkan.

"Masa kini terdapat 45 *hotspot* banjir bagi seluruh negeri Pulau Pinang dan diharap dengan pelaksanaan semua projek ini, bilangan *hotspot* banjir dapat dikurangkan dalam tempoh tiga tahun akan datang.

"Di Seberang Perai Tengah (SPT) sahaja terdapat enam *hotspot* utama termasuk satu di Seberang Perai Utara (SPU) dan Barat Daya (2)... dan pelaksanaan satu projek sahaja mampu mengatasi masalah banjir di beberapa *hotspot* seluruh negeri bergantung kepada kapasiti sesuatu projek," ujarnya yang turut teruja untuk melihat perubahan yang bakal dialami setelah pelaksanaan projek-projek mitigasi banjir kelak.

Dalam perkembangan sama, Sabri memberitahu, Kerajaan Persekutuan turut memperuntukkan RM150 juta bagi meneruskan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang Fasa III.

"Bagi Sungai Pinang, peruntukan RM150 juta daripada Kerajaan Persekutuan akan melibatkan aktiviti-aktiviti seperti lantikan juru perunding bagi melaksanakan reka bentuk terperinci, kerja-kerja pengukuran dan kajian tanah untuk tahun 2017.

"Dan kita (JPS) jangkakan panggilan tender akan dibuat pada suku akhir tahun 2017 dan kerja-kerja di tapak projek akan

dilaksanakan menjelang suku tahun pertama 2018 serta mengambil masa dua tahun setengah," ujar beliau.

Turut diumumkan, penubuhan dua jawatankuasa khas yang ditugaskan bagi memantau kelancaran projek-projek mitigasi dan tebatan banjir, iaitu Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh Sabri dan Jawatankuasa Pemandu, Kon Yeow.

CHOW Kon Yeow (kanan) dan Ir. Sabri Abdul Mulok pada sidang media di sini baru-baru ini.



Guan Eng difitnah tolak RM220 juta untung, Chang Yeow terima Notis Tuntutan Guaman

BAYAN LEPAS - Pengurus Gerakan Pulau Pinang, Teng Chang Yeow diberi notis tuntutan guaman gara-gara memfitnah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng kononnya menolak keuntungan RM220 juta dalam suatu rundingan berkaitan pembangunan masa depan Pulau Jerejak sebelum ini.

"Pihak saya telah pun memberi notis tuntutan guaman kepada Teng (Chang Yeow).

"Kalau dia (Chang Yeow) tidak mampu mengemukakan bukti kepada media seperti yang saya tuntut, bolehkah dia mengemukakan bukti di mahkamah," jelasnya pada Majlis Rumah Terbuka Krismas Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di Kompleks PDC Bayan Lepas di sini pada 20 Disember 2016.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon yang juga Ahli

Dewan Undangan Negeri (ADUN Pantai Jerejak), Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengakutan dan Utiliti) serta Datuk Rosli Jaafar (Pengurus Besar PDC).

Dalam salinan Notis Tuntutan Guaman Guan Eng adalah merujuk kepada kenyataan Chang Yeow pada 16 November lepas, yang disiarkan dalam portal berita, *The Star Online*.

Pada majlis sama, Guan Eng yang juga Pengurus PDC turut menyampaikan sumbangan cek berjumlah RM2,000 kepada Persatuan Kebajikan Shammah Butterworth Pulau Pinang.

Turut disampaikan adalah sumbangan kepada keluarga mendiang Kh'ng Hoe Keong yang ditemui meninggal dunia di dalam teksi miliknya baru-baru ini.



KETUA Menteri sambil ditemani barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyampaikan replika cek kepada wakil Persatuan Kebajikan Shammah Butterworth Pulau Pinang pada Majlis Rumah Terbuka Krismas PDC di sini baru-baru ini.

Gema Maulid gegarkan Padang Kota Lama sempena Maulidur Rasul



ABDUL Malik Abul Kassim (lapan dari kiri) bersama-sama penduduk setempat mengadakan solat hajat untuk warga Rohingya pada penganjuran Gema Maulid sempena sambutan Maulidur Rasul di perkarangan Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

GEORGE TOWN - Perkarangan Padang Kota Lama baru-baru ini bergema dengan alunan selawat dan pelbagai pengisian program keagamaan, Gema Maulid sempena sambutan Maulidur Rasul pada 12 Rabiulawal 1438H.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang sentiasa memberi keutamaan untuk meninggikan syiar Islam melalui pendekatan Islam Rahmatun Lil' Alamin.

"Islam adalah agama kasih sayang dan keamanan serta membawa rahmat ke seluruh alam."

"Selain daripada penyatuan ummah, program-program seumpama ini juga boleh memupuk cinta dan diharap menjadi wasilah (ikatan) dalam kalangan anak-anak muda untuk mengingati dan mencontohi keperibadian Rasulullah."

"InshaAllah, kita (Kerajaan Negeri) akan meneruskan program-program seperti ini pada tahun-tahun akan datang

dan ia adalah salah satu cara untuk orang-orang Islam terus maju ke hadapan," ujarnya yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung pada penganjuran berkaitan di sini.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ahmad Azrizal Tahir.

Kira-kira 1,000 pengunjung tidak melepaskan peluang berhibur sambil berselawat bersama-sama artis terkenal tanah air yang didatangkan khas iaitu Faizal Tahir dan Hafiz Hamidun.

Sebelum itu, Abdul Malik turut meluangkan masa bersama-sama masyarakat setempat mengadakan solat jemaah dan solat hajat untuk keamanan warga Rohingya di pekarangan padang tersebut.

Bersempena Gema Maulid, turut diadakan Ekspo Pengguna dan Perdagangan 2016 dan Program Pembelajaran Kreatif Menggunakan Bahasa Inggeris 2016 pada sebelah siangnya.

Exco yakin belanjawan Kerajaan Negeri tingkat produktiviti 2017

SEBERANG JAYA - Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berharap Bajet 2017 Negeri Pulau Pinang mampu merangsang kuasa produktiviti dan membeli rakyat.

Mengulas lanjut, Afif memberitahu, belanjawan kali ini memperuntukkan sejumlah RM3 juta di bawah Projek Ekonomi Khas seperti projek bantuan peralatan niaga untuk usahawan desa.

Selain itu, katanya, Bajet 2017 turut memperuntukkan sejumlah RM200,000 bagi penganjuran program-program pembangunan modal insan yang berdaya saing untuk usahawan dan warga desa.

"Anjur Seminar Keusahawanan Empower ini pun sebenarnya kerana Kerajaan Negeri berhasrat untuk rangsang kuasa produktiviti para usahawan muda kita di Pulau Pinang."

"Kuasa membeli dan kuasa produktiviti rakyat akan bertambah lemah jika sebuah kerajaan yang ada lebihan kewangan sendiri mengambil sikap menyimpan dan bukan

berbelanja lebih."

"Pemberian bonus diawalkan pada bulan Disember adalah contoh Kerajaan Negeri cuba berbelanja lebih, supaya rakyat ada kuasa membeli untuk persiapan Hari Natal dan beli kelengkapan sekolah anak-anak," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya ketika merasmikan Siri Kedua Seminar Keusahawanan Empower di Auditorium Kompleks Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di sini baru-baru ini.

Pada penganjuran berkaitan, seramai 97 usahawan muda dari pelbagai bidang menyertai siri kedua seminar itu, berbanding siri pertama (30).

Dalam perkembangan berkaitan, Afif memaklumkan bahawa angka pelaburan sektor pembuatan negeri dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini yang direkodkan adalah sejumlah RM3.77 bilion di kedudukan ketiga negara di belakang Johor (RM17.99 bilion) dan Selangor (RM3.82 bilion).



DR. Afif Bahardin (barisan pertama, tiga dari kanan) bergambar kenangan dengan ahli jawatankuasa penganjuran dan para peserta Siri Kedua Seminar Keusahawanan Empower di sini baru-baru ini.

Kafe Sains P. Pinang di Alma, ajar anak-anak mengenai robotik & sains secara percuma

Oleh : **ZAINULFAQAR**

YAACOB

Gambar : **ALISSALA THIAN**

MACHANG BUBOK - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng melancarkan Kafe Sains Pulau Pinang (*Penang Science Cafe*) yang ketiga dekat Pusat Perniagaan Alma di sini baru-baru ini.

Ketika berucap, beliau berharap inisiatif berterusan Kerajaan Negeri melalui *Penang Science Cluster* (PSC) akan menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat kecemerlangan sains dan teknologi di Malaysia.

"Kafe Sains Pulau Pinang di Alma ini akan mengajar anak-anak kita mengenai kegunaan robotik dan sains secara percuma.

"Dan, guru-guru di sini adalah jurutera mahir yang berpeluang untuk ditemui semua kanak-kanak," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen



KETUA MENTERI beramah-mesra dengan dua kanak-kanak di Kafe Sains Pulau Pinang, Alma pada majlis pelancarannya baru-baru ini.

Bagan pada majlis berkaitan.

Hadir sama, ADUN Machang Bubok, Lee Khai Loon dan

Michael Tan Chong Heng (Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP).

Difahamkan, PSC melancarkan Kafe Sains Pulau Pinang pertama pada Disember 2013 di Krystal Point, dan di Wisma Yeap Chor Ee pada 5 Disember 2015.

Kira-kira RM20 juta nilai pelaburan ketiga-tiga Kafe Sains Pulau Pinang, hasil inisiatif Kerajaan Negeri bekerjasama dengan beberapa pihak.

Itu, tidak termasuk RM28 juta untuk mewujudkan Tech Dome Pulau Pinang; RM6 juta bagi pembinaan Pusat Pembelajaran Karpal Singh untuk pendidikan sains, teknologi, bahasa Inggeris dan matematik serta RM6 juta lain untuk *German Dual Vocational Training* (GDVT).

Dalam perkembangan berkaitan, Guan Eng melahirkan rasa kebimbangannya terhadap tahap pendidikan sains dan teknologi di sekolah.

Menurutnya, Malaysia pada tahun 2012 di kedudukan ke-52 daripada 65 negara yang terlibat

dalam Program Penilaian Antarabangsa (PISA), kendalian Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD).

"Pelajar sekolah menengah kita yang berusia 15 tahun berada pada tahap ketiga dalam kedudukan 70 negara-negara lain, dengan tewas di belakang negara membangun seperti Vietnam dan Thailand sendiri.

"Pada tahun 2015 pula, Malaysia yang mempunyai 51 peratus respons kajian adalah tidak memenuhi kriteria minimum pada kadar 85 peratus yang diperlukan oleh PISA untuk kajian perbandingan dengan negara-negara lain.

"Langsung tiada penjelasan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia bagi kadar kajian responden yang begitu rendah pada tahun 2015 (berbanding) pada tahun 2012, Malaysia ada lebih 90 peratus kadar respons," ujar Guan Eng.

Dana zakat untuk perkasa pendidikan golongan asnaf

PANTAI JEREJAK - Dana zakat yang dipungut daripada umat Islam di negeri ini turut digunakan untuk memperkasakan tahap pendidikan golongan asnaf terpilih.

Mengulas lanjut, Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man berkata, Zakat Pulau Pinang (ZPP) membelanjakan sejumlah RM2.348 juta untuk membayai kos pengajian 101 pelajar terpilih sehingga pengajian Tahap 3 Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) di Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC).

"Daripada jumlah 101 pelajar yang terbabit dalam program SKM Tahap 3 selama tiga tahun berkaitan, 84 graduan kini sudah ditawarkan bekerja di syarikat-syarikat multinasional (MNC).

"Ini, jelas membuktikan keberkesanannya serta pasaran kerja di Pulau Pinang masih stabil.

"Malah, pada masa sama turut membuktikan usaha ZPP membantu melahirkan modal insan yang berdaya maju," ucapnya pada Majlis Graduasi Pelajar ZPP – MAINPP, PSDC Pertama di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Timbalan Yang di-Pertua MAINPP, Dato' Abdul Halim Hussain dan Pengurus Besar ZPP, Dr. Azman Abdul Samat.

Dalam pada itu, Mohd. Salleh turut mengingatkan para graduan agar tidak melupakan jasa ibu bapa serta tenaga pengajar terlibat.

"Paling penting ialah para pelajar juga tidak lupa untuk membayar zakat supaya dapat membantu golongan-golongan asnaf lain," seru beliau.



MOHD. SALLEH MAN (kiri sekali) sambil diperhatikan **ABDUL HALIM HUSSAIN** (berdiri, tengah) menyampaikan skrol kepada salah seorang penerima pada Majlis Graduasi Pelajar ZPP – MAINPP, PSDC Pertama di sini baru-baru ini.



ANTARA graduan-graduan yang berjaya menamatkan bidang pengajian masing-masing.

TABUNG USAHAWAN TANI MUDA NEGERI PULAU PINANG

BORANG-BORANG BOLEH DIDAPATIDI:

JABATAN PERTANIAN +04-537 2142

JABATAN PERIKANAN +04-657 2777

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR +04-508 4368

BORANG-BORANG BOLEH DIDAPATIDI:

JABATAN PERTANIAN +04-537 2142 JABATAN PERIKANAN +04-657 2777

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR +04-508 4368

KN terus usaha jadikan P. Pinang sifar projek perumahan terbengkalai

Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

DATUK KERAMAT – Projek pembinaan asrama pekerja asing yang dipercayai mampu mengubah dan menyelesaikan masalah penempatan beribu-ribu golongan kakitangan berkaitan terutamanya yang menetap di kawasan perumahan umum, dijangka dibangunkan tahun ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, sekurang-kurangnya empat projek asrama pekerja warga asing iaitu masing-masing tiga di Seberang Perai dan bahagian pulau (1) telah dikemukakan pelan pembangunannya kepada Kerajaan Negeri.

"Satu daripada tiga projek di Seberang Perai iaitu di kawasan Bukit Tambun telahpun menerima Borang C1 dari Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

"Kita menjangkakan kerja-kerja pembinaan akan dimulakan tidak lama lagi," ujarnya ketika membentangkan prestasi kemajuan beberapa projek di Pulau Pinang sepanjang 2016 selepas mengedarkan

kalendar tahun baru di Pasar Awam Taman Free School di sini baru-baru ini.

Hadir sama, mantan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Mohamed Yusoff Mohamed Noor.

Tambah Jagdeep, projek pembinaan asrama pekerja warga asing tersebut adalah penting dan menjadi keutamaan untuk mengatasi masalah kebanjiran golongan kakitangan berkaitan di kawasan-kawasan perumahan sekitar pusat perindustrian di Pulau Pinang.

"Inisiatif ini adalah pendekatan untuk memerangi masalah kebanjiran pekerja asing di kawasan-kawasan perumahan umum dan sekaligus mengurangkan kadar berlakunya pelbagai masalah sosial," jelasnya yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Pada sidang media sama, Jagdeep turut menyatakan bahawa pihaknya akan terus aktif dalam 'menghidupkan' kembali projek-projek 'sakit', terbengkalai dan memastikan Skim Perumahan Awam di negeri ini memiliki hak milik strata.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan terus berusaha memastikan Pulau Pinang menjadi negeri pertama sifar projek terbengkalai di Malaysia.

"Malah, penantian 370 pembeli Majestic Heights Fasa 2A di Paya Terubong selama hampir 20 tahun akan berakhir dan diharap kunci rumah mereka dapat diserahkan sebelum sambutan Tahun Baru Cina ini," ujarnya sambil menambah bahawa beliau akan cuba sedaya mungkin untuk menyelesaikan masalah satu-satunya baki projek terbengkalai kini iaitu Mengkuang Height di Bukit Mertajam.

Tambah Jagdeep, antara masalah dan pencapaian lain yang telah diselesaikan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang pada tahun lalu ialah pemprosesan hak milik strata beberapa Skim Perumahan Awam negeri.



JAGDEEP Singh Deo (berkemeja putih) mengedarkan kalendar tahun 2017 di Pasar Awam Taman Free School di sini baru-baru ini.

"Atas usaha kita, hak milik strata Rumah Pangsa Batu Lanchang sejumlah 316 unit, Taman Tun Sardon Peralihan (139) dan Taman Tun Sardon Fasa III (140) dapat diselesaikan dan hak milik strata ini tidak pernah dikeluarkan lebih daripada tiga dekad oleh Kerajaan Negeri terdahulu.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan terus memastikan perumahan awam yang belum memiliki strata akan diberikan hak milik tersebut," kata beliau.

Projek pelebaran Jalan Bukit Minyak ikut jadual

Teks & Gambar: AHMAD ADIL MUHAMAD

MACHANG BUBOK –

Projek pelebaran laluan sepanjang Jalan Bukit Minyak sehingga persimpangan Taman Kota Permai di sini masih dalam landasan waktu yang ditetapkan, meskipun terdapat sedikit kelewatan untuk memulakan projek berkaitan.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng semasa membuat lawatan kerja ke tapak projek berkenaan memberitahu, walaupun terdapat sedikit kelewatan untuk memulakan kerja, namun pihak kontraktor memberikan jaminan projek tersebut tetap mengikut jadual yang ditetapkan.

"Kelewatan memulakan projek sejak Oktober 2016 adalah disebabkan oleh proses pengambilalihan tanah dan rundingan pampasan kepada pemilik yang terlibat serta pengalihan utiliti di kawasan itu.

"Pengambilalihan tanah untuk memberi laluan kepada projek pelebaran jalan tersebut melibatkan 31 lot dengan kos sebanyak RM15 juta, manakala projek pelebaran jalan sepanjang 1.2 kilometer itu membabitkan kos sebanyak RM8 juta, menjadikan kos keseluruhan projek berjumlah RM23 juta" jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal.

Turut hadir, Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong; ADUN



LIM Hock Seng (lima dari kiri) meneliti pelan projek pelebaran Jalan Bukit Minyak bersama-sama Steven Sim Chee Keong (dua dari kiri) dan Lee Khai Loon (tiga dari kiri) pada sesi lawatan tapak projek di sini baru-baru ini.

Machang Bubok, Lee Khai Loon serta dua Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ong Jing Cheng dan Tan Cheong Heng.

Dalam pada itu, Chee Keong memberitahu, banyak kerja telah dijalankan bagi memastikan projek pelebaran jalan tersebut dapat disiapkan dalam jangka masa yang telah ditetapkan sebagai memenuhi keperluan orang ramai.

"Di sini, saya ingin memberi jaminan kepada orang ramai bahawa banyak kerja-kerja belakang tabir seperti proses pengambilalihan tanah telah berjalan seperti dijadualkan.

"Setiap minggu pada hari Jumaat, kita akan bawakan perkara ini kepada Ketua Menteri serta Exco berkaitan, dan lawatan tapak pada hari ini adalah untuk memberikan gambaran yang jelas kepada orang ramai mengenai kemajuan projek," jelasnya.

Polis digesa siasat WhatsApp viral fitnah Guan Eng

GEORGE TOWN –

Polis Diraja Malaysia (PDRM) digesa segera menyiasat satu mesej diviralkan menerusi aplikasi WhatsApp yang memfitnah Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng kononnya menyokong keganasan ke atas etnik Rohingya di Myanmar.

Pegawai Penerangan Ketua Menteri, Mejar (B) Zaidi Ahmad menggesa sedemikian selepas membuat aduan di Balai Polis Jalan Patani di sini baru-baru ini.

"Kita sudah berikan nombor dan nama penyebar... jadi saya percaya polis dapat mengesan suspek yang dipercayai menyebarkan fitnah ini secepat mungkin.

"Saya harap tidak ada lagi alasan seperti sebelum ini yang mengatakan polis tidak cukup maklumat," katanya kepada pemberita selepas selesai membuat laporan berkaitan.

Hadir sama, Pegawai Khas & Penyelaras Agenda Ekonomi Saksama

(AES), Ab. Wahab Long.

Ab. Wahab menyatakan bahawa pihaknya tidak menolak kemungkinan bahawa fitnah terbaru tersebut adalah demi memburukkan lagi imej peribadi Guan Eng.

"Kita kesal dengan tindakan ini dan seperti mana kita tahu, pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) bulan lepas (November 2016), Ketua Menteri sendiri meminta Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon untuk membuat usul mengecam tindakan ganas rejim Myanmar ke atas etnik Rohingya.

"Semua ADUN termasuk dari Barisan Nasional (BN) bangun menyokong usul tersebut," jelasnya.

Sejak 14 Disember lalu, WhatsApp fitnah yang diviralkan itu antara lain menyebut:

"Tindakan Aung San Suu Kyi terhadap kaum Rohingya adalah tepat.

Malaysia tiada hak untuk campur tangan dan dianggap mencabul urusan negara Myanmar".



ZAIDI Ahmad (kanan) ditemani Ab. Wahab Long menunjukkan salinan laporan polis berhubung aplikasi WhatsApp yang memfitnah Ketua Menteri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Naik taraf Pasar Lebuh Campbell dapat reaksi positif komuniti setempat

Oleh :
NORSHAHIDA YUSOFF
 Gambar: **ALISSALA THIAN**

GEORGE TOWN

Rata-rata penduduk setempat dan para peniaga bersikap terbuka terhadap c a d a n g a n pembangunan semula Projek Menaik Taraf dan Membaik Pulih Pasar Lebuh Campbell yang dikemukakan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) baru-baru ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, memandangkan bangunan Pasar Lebuh Campbell merupakan bangunan warisan, maka salah satu laporan yang perlu disediakan sebelum kerja-kerja menaik taraf adalah Pelan Pengurusan Warisan (HMP).

"HMP adalah dokumen yang memberi peluang kepada pemilik dan pengguna untuk memahami tapak warisan, pelan perancangan untuk pemeliharaan serta perancangan masa hadapan.

"Proses penyediaan dokumen ini memerlukan kaji selidik yang menyeluruh dan semestinya penglibatan penuh daripada komuniti setempat.

"Antara langkah-langkah bagi menyediakan HMP ini adalah termasuk kajian sejarah dan latar belakang tapak, mengenal pasti nilai-nilai sejarah dan seni bina aset warisan, kajian potensi tapak dan pelaksanaan strategi untuk memelihara nilai tapak warisan," ujarnya ketika melakukan lawatan tapak ke pasar berkenaan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng, Pengarah Konservasi Warisan MBPP, Noorhanis Noordin dan Ahli-ahli Majlis MBPP.

Pihak MBPP telah melantik Arkitek Zalena Abdul Aziz selaku Arkitek Perunding untuk menyediakan kajian bangunan sedia ada, draf cadangan susun atur semula ruang dalaman pasar dan cadangan ruang aksesori tambahan yang diperlukan untuk menaik taraf serta membaik pulih pasar berkaitan.

Tambah Kon Yeow, satu Bengkel Penyelaras Pandangan (Visioning Workshop) bersama-sama pihak-pihak berkepentingan telah dijalankan pada 25 Ogos 2016 bagi memastikan pelan reka bentuk tersebut adalah selaras dengan cadangan yang dikemukakan oleh komuniti setempat dan pihak berkepentingan lain.



(Dari kiri), CHOW Kon Yeow, Ar. Zalena Abdul Aziz, Noorhanis Noordin dan Teh Lai Heng meneliti lakaran grafik reka bentuk Pasar Lebuh Campbell yang dicadang untuk dinaik taraf di sini baru-baru ini.

"Apa yang boleh dirumuskan semasa penganjuran bengkel ini akan dimasukkan ke dalam pelan reka bentuk akhir oleh Arkitek Zalena dan HMP Pasar Lebuh Campbell yang dibentangkan hari ini (20 Disember 2016) untuk rujukan pengguna bangunan.

"Antara cadangannya, isu kesihatan dan kebersihan di dalam pasar perlu diketengahkan bagi memastikan kelestarian bangunan serta kepenggunaan tapak dan pihak komuniti pasar perlu memberi kerjasama dalam memastikan bahan-bahan organik diselenggara dengan baik bagi kepentingan bersama," jelasnya.

Dengan anggaran kos sejumlah RM5 juta, penggilan tender untuk projek berkaitan dijangka diadakan pada Mac atau April tahun ini dan kerja-kerja menaik taraf dijangka akan dimulakan pada bulan Jun tahun sama.

Sebarang maklum balas berhubung projek tersebut boleh disalurkan kepada Jabatan Konservasi Warisan MBPP melalui talian 04 – 259 2009.

Sistem reban tertutup unggas, Exco jangka produktiviti penternak kian meningkat

Gambar : **ADUN**

PULAU BETONG - Sebagaimana digariskan Kerajaan Pusat, sistem reban tertutup unggas yang telah diluluskan pelaksanaannya di Pulau Pinang dijangka meningkatkan lagi hasil ternak tahunan negeri.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahrain berkata demikian pada Majlis Pemberian Bantuan Projek Penternakan Unggas Dan Blok Mineral Peringkat Daerah Barat Daya baru-baru ini.

"Nilai Hasil Tahunan (NHT) telah merekodkan nilai pengeluaran bernilai RM832 juta pada tahun 2015, yang mana pengeluaran ayam (dan) itik sahaja telah menyumbang RM510 juta atau 61 peratus, dan dijangka akan terus meningkat pada tahun 2016.

"Dalam persekitaran (sistem reban tertutup unggas) selesa, produktiviti ayam dapat dipertingkatkan.

"Sistem (reban tertutup unggas) ini boleh mengatasi masalah bau, kakau ganggu lalat, pencemaran habuk dan boleh memberi pendapatan yang lebih kerana kadar bilangan ternakan yang banyak dengan

keluasan ruangan lantai berbanding dengan sistem bangsal terbuka," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya dalam majlis rasmi anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri di Titi Teras dekat Kawasan Parlimen Balik Pulau di sini.

Pada tahun 2016, Afif memberitahu bahawa sejumlah 9,000 ekor anak ayam kampung serta 200 kilogram (kg) makanan diedarkan kepada 180 penternak di negeri ini.

Menurut beliau, seramai 45 penternak meliputi kelima-lima daerah menerima 2,250 ekor anak ayam beserta 50kg makanan, sama ada untuk memula atau menambah jumlah ternakan sedia ada.

Itu, tambah Afif, tidak termasuk pemberian bantuan berupa 500 ekor anak ayam pirus berumur dua minggu serta 2,000kg makanan dan 60 pasu rumput 'Napier' kepada 20 penternak lain yang layak.

"Kesejahteraan penternak tradisi secara kecilan tidak dilupakan... bantuan seperti ini setiap tahun disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui JPV untuk penternak di seluruh negeri," jelas beliau.



DR. Afif Bahardin (enam dari kiri) bersama-sama para penerima menunjukkan sumbangan anak-anak ayam yang diterima pada Majlis Pemberian Bantuan Projek Penternakan Unggas Dan Blok Mineral Peringkat Daerah Barat Daya di sini baru-baru ini.

PROGRAM SARINGAN MAMMOGRAM PERCUMA
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

MAMMO PENANG

Untuk wanita berumur 35 ke atas*

*Sila berdaftar di Pusat Khidmat ADUN atau Penyelaras KADUN berdekatan anda

1 dalam setiap 20 wanita di Malaysia mempunyai risiko untuk mendapat kanser payudara dalam hayat kehidupan mereka ini bersamaan dengan 700,000 orang!

PWDC Pink Healthcare Group

Surau Flat Taman Abidin selesai dinaik taraf, sedia ruang lebih selesa

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : ALISSALA THIAN

DATUK KERAMAT – Para penduduk di Flat Taman Abidin, Jalan Perak di sini mampu menarik nafas lega apabila kerja-kerja menaik taraf surau sedia ada di kawasan tersebut kini telah selesai sepenuhnya.

Atas inisiatif khas wakil rakyatnya, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo, sejumlah RM20,000 peruntukan disalurkan bagi memberi kemudahan lebih selesa kepada penghuni beragama Islam di kawasan tersebut.

Jagdeep ketika berucap berkata, inisiatif khas itu merupakan tanggungjawab beliau sebagai wakil rakyat demi memastikan penduduk di kawasan berkaitan menikmati manfaat tanpa mengira kaum, agama dan ideologi.

“Surau ini selesai dinaik taraf, menyediakan ruang lebih selesa bagi penduduk Islam di sini melakukan ibadah dan menjalankan pelbagai program serta aktiviti keagamaan,” ujarnya yang juga Exco Perancangan Bandar & Desa dan

Perumahan ketika mengadakan lawatan ke surau berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadirsama, Pengerusi Surau Flat Taman Abidin, Makbool Sahul Hamid dan Juruterma Perbadanan Bekalan Air (PBAPP) Pulau Pinang Sdn. Bhd., Oo Wah Tong.

Dalam sidang media sama, Jagdeep menyatakan bahawa pihaknya turut menerima aduan daripada penduduk setempat berhubung beberapa masalah berbangkit seperti tekanan air rendah dan keadaan flat yang usang.

“Memandangkan flat ini telah lama, masih terdapat beberapa perkara lain yang memerlukan perhatian dan kita (Kerajaan Negeri) akan selesaikannya secara berperingkat dan mengutamakan kerja

kritikal terlebih dahulu.

“Untuk tekanan air rendah tersebut, kita akan mohon pandangan pihak PBAPP berhubung masalah ini,” jelasnya.

Jagdeep kemudian diiringi oleh Wah Tong dan beberapa penduduk setempat melakukan tinjauan ke kawasan paip utama di kawasan tersebut.



JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kanan), Makbool Sahul Hamid (tiga dari kiri) dan para penduduk tempatan bergambar kenangan berhadapan Surau Flat Taman Abidin yang telah selesai dinaik taraf di sini baru-baru ini.



RUANG lebih selesa bagi penduduk Islam melakukan ibadah.

PEGANGAN BEBAS
5% Diskaun untuk Bumiputra

GAYA HIDUP YANG MEWAH DAN TERUNGGUL
DI BANDAR BATU FERRINGHI, PULAU PINANG



PEARL RESIDENCES
BATU FERRINGHI, PENANG

RUMAH BERKEMBAR 3 TINGKAT

Saiz Tanah : Dari 2,368kps – 3,261kps

Saiz Rumah : Jenis A – 3,351kps

Jenis B – 3,071kps | Jenis B1 – 3,021kps

DIBUKA UNTUK JUALAN

- 4 + 1 BILIK DENGAN RUANG SILING TINGGI
- 800MM X 800MM JUBIN RUANG TETAMU & MAKAN
- SPESIFIKASI BERKUALITI
- ANJUNG KERETA YANG LUAS UNTUK 3 BUAH KERETA
- PENDAWAIAN PAGAR, TEL., INTERNET & ASTRO SIAP
- PENDAWAIAN & PAIP UNTUK HAWA DINGIN SIAP
- PENDAWAIAN & PAIP UNTUK AIR PANAS SIAP
- PENDAWAIAN CCTV SIAP
- HAKMILIK PEGANGAN BEBAS KHAS DIUTAMAKAN



Pandangan Sebenar Ruang Tamu

KUNJUNGI RUMAH CONTOH

Dibuka Setiap hari termasuk hujung minggu dan cuti umum (10pagi - 6 petang)

GPS : 5.4730820, 100.2521640



SENI BAHAGIA SDN. BHD.
(253996 - M)

A PROPERTY DEVELOPMENT COMPANY

* Lesen Pemaju Perumahan No: 13207-1/10-2017/02844(L) • Terikh Sah: 31/10/2016 Hingga 30/10/2017 • Permit Pengiklanan No: 13207-1/10-2017/02844(P) • Tarikh Sah: 31/10/2016 Hingga 30/10/2017
• Pihak Kelulusan Pelan: Majlis Perbandaran Pulau Pinang • No Pelan Bangunan: MPPB/OSC/PB(5707)/13(LB) • Fasa 1: 14 Unit Rumah Berkembar • Sijil Kelayakan Menduduki Telah Diperolehi JB/SKM/16/0002.
• Fasa 2: 22 Unit Rumah Berkembar • 12 Unit Jenis A Harga RM2,134,650.00(Min) Hingga RM2,320,850.00(Max) • 4 Unit Jenis B Harga RM2,112,000.00(Min) Hingga RM2,350,000.00(Max)
• 6 Unit Jenis B1 Harga RM1,991,200.00(Min) Hingga RM2,342,000.00(Max) • Tarikh Jangka Siap: Mei 2017 • Pegangan Tanah: Bebas • Bebanan Tanah: Malayan Banking Berhad • 5% Bumiputra Diskaun.

Pejabat Jualan :

1-8A, Eden Parade 1, Jalan Sungai Emas,
Batu Ferringhi, 11100 Penang, Malaysia
Tel : +604-881 1213 Fax : +604-885 1393
email: enquiry@senibahagia.com.my



+6010 - 389 8188

www.senibahagia.com.my

Tony + 6016-416 2668 | Leow + 6017-422 2532

Ucapan perbahasan RUU Perbekalan 2017 peringkat jawatankuasa Kementerian Pendidikan

1BestariNet

Oleh : **ZAIRIL KHIR JOHARI**
Ahli Parlimen Bukit
Bendera merangkap
Pengarah Eksekutif
Penang Institute

Tuan pengerusi,

LAPORAN Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen berhubung perkhidmatan penuh kontroversi 1BestariNet yang dibentangkan dalam mesyuarat kali ini telah mengesahkan hampir kesemua kekhuitaran yang telah saya bangkitkan selama ini mengenai ketempangan dan kepincangan dalam pelaksanaan projek tersebut.

Antara penemuan mengejutkan adalah kegagalan untuk mendapat kelulusan teknikal daripada Jawatankuasa Teknikal ICT MAMPU yang telah mencadangkan agar mengasingkan pembangunan infrastruktur dari pembangunan pengisian (content). Sebaliknya, projek 1BestariNet telah mencantumkan kedua-dua komponen tersebut.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga gagal melaksanakan proses pengurusan nilai (value management) yang wajib dilakukan untuk semua projek bernilai RM50 juta dan ke atas, seperti mana ditetapkan oleh pekeliling EPU bertarikh 29 Disember 2009. Alasan yang diberikan oleh Kementerian, iaitu bahawa pegawai-pegawaiannya tidak sedar kewujudan pekeliling berkenaan, langsung tidak boleh diterima dan telah ditolak sama sekali oleh PAC.

PAC juga mengesyorkan agar Jabatan Audit Negara melakukan audit susulan secara keseluruhan di samping melaksanakan kajian keberkesanan terhadap pelaksanaan 1BestariNet ini. Saya harap pengauditan dan kajian ini akan dilakukan dengan segera agar tidak membazirkan lebih banyak lagi duit dan menjelaskan prestasi pengajaran dan pembelajaran guru dan murid.

Salah urus kontrak yang ketara

Tuan pengerusi,

Kebanyakan masalah yang berbangkit berpunca daripada salah urus kontrak (contract mismanagement) yang ketara. Salah satu contoh jelas adalah pendedahan laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2013 berkenaan pemasangan menara telekomunikasi 1BRIS (1BestariNet Receiver Integrated System).

Menara-menara ini banyak mengundang kontroversi kerana ia berfungsi untuk memancarkan isyarat tanpa wayar bukan sahaja ke dalam perkarangan sekolah tetapi juga di kawasan sekeliling. Ini menimbulkan persoalan sama ada menara-menara ini juga digunakan untuk perkhidmatan komersial YES 4G oleh kontraktor 1BestariNet, iaitu syarikat YTL. Jika benar, maka ada kemungkinan besar bahawa projek ini sebenarnya membiayai pengembangan rangkaian YES 4G secara meluas di setiap pelusuk negara, kerana ia melibatkan pembinaan infrastruktur telekomunikasi di berbilik-bilik sekolah. Walaupun penggunaan menara 1BRIS bagi tujuan komersial telah dinafikan oleh pegawai-pegawai Kementerian dalam prosiding PAC, YTL sendiri pernah mengakui dalam laporan media bahawa penggunaannya tidak terhad kepada kawasan sekolah.

Tambahan kepada itu, terdapat kelompongan kontrak berkenaan dengan kadar sewaan bagi penggunaan premis sekolah untuk pemasangan menara 1BRIS. Berdasarkan penemuan audit, Kementerian pada bulan Februari 2012 telah bersetuju untuk membenarkan YTL memasang menara 1BRIS di sekolah-sekolah dengan kadar

sewaan yang ditetapkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

Ekoran daripada itu, JPPH mengesyorkan sewa bulanan sebanyak RM1,200 sebulan atau RM14,400 setahun bagi setiap tapak 1BRIS. YTL pada mulanya enggan membayar jumlah tersebut dan setelah berunding dengan Kementerian, kadar sewaan telah diturunkan kepada hanya RM1,000 setapak setahun. Namun akibat salah komunikasi, Kementerian telah menuntut bayaran RM1,000 setahun untuk semua tapak 1BRIS. Apabila disoal oleh audit, Pesuruhjaya Tanah Persekutuan menjelaskan bahawa kadar sewaan itu adalah untuk setiap tapak dan bukan kesemua tapak seperti yang ditafsir oleh Kementerian. Pada tahun 2014, bayaran tunggakan sewa telah dituntut daripada YTL, tetapi syarikat tersebut membuat rayuan agar kadar sewaan dikekalkan pada RM1,000 setahun bagi semua tapak. Akhirnya, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian memutuskan untuk mengurangkan sewa lagi kepada harga rendah RM120 setapak setahun.

Kadar sewaan RM120 setahun ini amat kecil dan langsung tidak masuk akal, khususnya apabila kadar pasaran (market rate) sewaan tapak untuk menara telekomunikasi adalah dalam lingkungan RM14,400 hingga RM24,000 setahun. Oleh itu, saya kurang faham bagaimakah mungkin yuran sewaan ini ditetapkan pada kadar yang begitu rendah, lagi-lagi apabila menara 1BRIS mampu menyediakan perkhidmatan internet tanpa wayar bagi tujuan komersial.

Daripada RM14,400 setahun mengikut syor JPPH, ia dikurangkan kepada RM1,000 setahun dan seterusnya kepada RM120 setahun sahaja. Jika dikira berdasarkan 3,203 tapak yang sepatutnya dibina, maka kerugian yang dialami oleh Kementerian adalah sebanyak RM45.73 juta setahun. Apakah perwajaran bagi kerugian yang begitu besar ini?

Di samping itu, laporan audit juga mendapati bahawa semua caj utiliti termasuk bil elektrik tidak dibayar oleh kontraktor dan sebaliknya ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan. Ini kerana kontrak menetapkan bahawa kontraktor hanya bertanggungjawab terhadap kos pemasangan, penyelenggaraan dan pengurusan 1BRIS. Apa-apa kos selain itu adalah di bawah tanggungjawab Kementerian.

Kementerian sendiri mengakui bahawa kecualian dalam kontrak ini telah mengakibatkan kenaikan kos elektrik antara RM150 hingga RM180 sebulan bagi setiap tapak. Ini bermaksud bahawa setiap sekolah yang mempunyai tapak 1BRIS terpaksa menanggung kos lebihan antara RM1,800 hingga RM2,160 setahun, iaitu 15 hingga 18 kali ganda kadar sewaan yang dikenakan ke atas YTL. Di mana logiknya? Keadaan ini ibarat menyewa rumah pada kadar yang tidak mencukupi untuk membayar bil utiliti.

Menurut laporan PAC, Kementerian akan membayar kos lebihan ini melalui peruntukan mengurus tahunan sementara syarat ini dikaji semula. Saya hendak tahu sama ada kos utiliti masih lagi dibayar oleh Kementerian. Jika kos ini sudah diambil alih, bagaimakah pengasingan bil dilakukan sedangkan pendawaian elektrik 1BRIS adalah disambung dan berkongsi dengan meter elektrik sekolah?

Kegagalan KPI

Tuan pengerusi,

Laporan PAC turut mendapati bahawa pelaksanaan 1BestariNet gagal menepati kebanyakan KPI yang ditetapkan. Contohnya, kontrak menyatakan bahawa 1BestariNet sepatutnya siap dipasang di kesemua 10,000 sekolah di seluruh negara pada bulan Mac 2013. Namun, hanya 60 peratus

tambahan ini?

Masalah internet jalur lebar ini bukan hanya pada kelajuannya, tetapi juga liputannya. Berdasarkan kontrak 1BestariNet, setiap sekolah sepatutnya diliputi secara penuh oleh perkhidmatan internet, namun Jabatan Audit mendapati bahawa 58 peratus sekolah yang ditinjau tidak menikmati liputan sedemikian. Untuk menangani masalah ini, kontraktor YTL telah bersetuju untuk mengagihkan peralatan YES dongle yang membolehkan penggunaan internet secara mudah alih. Justeru, saya ingin tahu status perkara ini, sama ada kesemua sekolah mempunyai liputan 100 peratus seperti yang dijanjikan dalam kontrak ataupun tidak. Jika tidak, adakah Kementerian akan menuntut pampasan atas lagi satu kegagalan KPI ini?

Berilah pilihan kepada sekolah

Tuan pengerusi,

Projek 1BestariNet ini telah membazirkan sejumlah duit rakyat yang begitu besar, dan jika dibiarkan berterusan selama 15 tahun seperti yang dipersejui dalam kontrak, maka lebih banyak lagi duit rakyat yang akan disia-siakan.

Pada masa yang sama, penggunaan pelantar pembelajaran maya (virtual learning environment, VLE) juga bermasalah. Sistem e-pembelajaran inilah yang sebenarnya memakan belanja paling besar dalam projek 1BestariNet, kerana ia merupakan kos berkala setiap dua setengah tahun yang terdiri daripada RM250.50 juta bagi lesen penggunaan serta RM262.81 juta bagi penyelenggaraan dan pengurusan. Kos sebanyak RM513.31 juta ini tidak termasuk lagi bahan-bahan pengisian (content) oleh kontraktor YTL. Dengan kos yang begitu besar, adalah amat mengejutkan apabila Jabatan Audit mendapati bahawa statistik login menunjukkan penggunaan dalam sekitar 0.01 peratus hingga 4.96 peratus, lagi-lagi apabila penggunaan dalam kalangan murid adalah kurang daripada 0.64 peratus.

Bagi menangani masalah penggunaan yang amat rendah ini, Kementerian telah melaksanakan beberapa aktiviti termasuk bengkel kerja, latihan dan bimbingan secara hand-holding kepada guru-guru. Di samping itu, 351 sekolah champion juga telah dikenalpasti untuk menjadi sekolah contoh bagi penerapan teknologi maklumat dalam pedagogi pembelajaran. Malah, maklumbalas dalam laporan PAC menyatakan bahawa Kementerian telah menasarkan KPI bahawa sejuta murid akan menggunakan VLE sekurang-kurangnya 30 minit seminggu pada tahun 2015, dan kemudiannya tiga juta murid pada tahun seterusnya. Oleh itu, Kementerian wajib menjawab sama ada KPI bagi tahun 2015 dan 2016 ini sudah dicapai, dan memberi perangkaan penggunaan terkini. Daripada maklumat yang saya terima, penggunaan VLE masih lagi tidak mencapai tahap yang dapat mewajarkan perbelanjaan yang begitu besar.

Satu lagi masalah yang ditekankan dalam laporan audit adalah kelajuan internet jalur lebar yang kurang memuaskan. Kementerian memberi maklumbalas bahawa kelajuan perkhidmatan internet jalur lebar memang mencapai aras perjanjian perkhidmatan (service level agreement). Pun begitu, kenyataan ini langsung tidak mencerminkan keadaan yang sebenar, kerana antara aduan utama sekolah-sekolah mengenai projek 1BestariNet ini adalah kelajuan internet yang tidak konsisten. Malah, baru-baru ini Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) sendiri telah mengadu bahawa dalam kebanyakan kes, guru-guru dan juga PIBG terpaksa mengeluarkan duit sendiri untuk melanggani perkhidmatan internet daripada syarikat penyedia lain. Apakah gunanya Kementerian membayar berbilion ringgit untuk perkhidmatan 1BestariNet jika guru-guru dan ibu bapa terpaksa memikul beban

Saya harap Kementerian akan mengambil serius perkara ini, dan mengkaji semula keberkesanan projek 1BestariNet secara keseluruhannya agar kita dapat meminimumkan kerugian dan pembaziran duit rakyat.

Sekian, terima kasih.



Nama ADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YAB Tuan Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
PANTAI JEREJAK YB Haji Mohd. Rashid Hasnon rashid.hasnon@penang.gov.my	(T) 04 - 646 4700
PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 383 9131 (F) 04 - 383 9131
PADANG KOTA YB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
BATU MAUNG YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim abdulmalik@penang.gov.my	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
BAGAN JERMAL YB Lim Hock Seng limhockseng@penang.gov.my	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
BATU LANCHANG YB Law Heng Kiang lawhengkiang@penang.gov.my	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my; pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028
DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh DEO jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109
BUKIT TAMBUN YB Law Choo Kiang lawchookiang@penang.gov.my	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
AIR ITAM YB Wong Hon Wai wonghonwai@penang.gov.my	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
BERAPIT YB Ong Kok Fooi ongkokfooi@penang.gov.my	(T) 04 - 530 8476
MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon klee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
TANJONG BUNGAH YB Teh Yee Cheu dappenang.cagw.teh@gmail.com	(T) 04 - 899 9581
JAWI YB Soon Lip Chee dunjawi@hotmail.com	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
PENGKALAN KOTA YB Lau Keng Ee dappengkalankota@gmail.com	(T) 04 - 250 1521 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
BAGAN DALAM YB Tanasekharan a/l Autheraphy atana@first.net.my	(T) 04 - 323 5870 (F) 04 - 323 5870
KEBUN BUNGA YB Cheah Kah Peng kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
SUNGAI BAKAP YB Hj. Maktar Hj. Shapree adunan.dunsgbakap@yahoo.com	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
KOMTAR YB Teh Lai Heng komtarN28@gmail.com	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
PAYA TERUBONG YB Yeoh Soon Hin clementyeoh@hotmail.com	(T) 04 - 827 8868
PULAU TIKUS YB Yap Soo Huey yapsoohueydap@gmail.com	(T) 04 - 226 5217 (F) 04 - 227 5217
PERMATANG PASIR YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man adunptgpasir@gmail.com	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
BUKIT TENGAH YB Ong Chin Wen pkrbktengah@gmail.com	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlela.ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim dapsungapinang@hotmail.com	(T) 04 - 282 6630
BATU UBAN YB Dr. T. Jayabalan drjayabalan@gmail.com	(T) 04 - 656 2605 (F) 04 - 656 0699
SERI DELIMA YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji rsnrayer@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 6611
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA YB Mohd. Zain Ahmad	(T) 04 - 351 5825
BERTAM YB Shariful Azhar Othman	(T) 012 - 411 4690 (F) 04 - 575 8670
PINANG TUNGGAL YB Datuk Haji Roslan Saidin	(T) 04 - 398 3555 (F) 04 - 397 3555
PERMATANG BERANGAN YB Omar Abd. Hamid	(T) 04-573 4630 (F) 04-573 4630
SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T) 04 - 575 7454
TELOK AIR TAWAR YB Datuk Jahara Hamid jahara.hamid@gmail.com	(T) 04 - 351 2873 (F) 04 - 351 4389
SUNGAI ACHEH YB Datuk Mahmud Zakaria datomahmud@umpangroup.com.my	(T) 04 - 593 3100 (F) 04 - 593 9529
BAYAN LEPAS YB Nordin Ahmad	Sedang dikemaskini
PULAU BETONG YB Muhamad Farid Saad	(T) 04 - 866 4202 (F) 04 - 866 4202
TELUK BAHANG YB Shah Haedan Ayoob	(T) 04 - 866 1760 (F) 04 - 866 1821

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA Ramli Omar ramliomar53@gmail.com	012 - 487 3070
BERTAM Asrol Sani Abdul Razak asrolpkb@gmail.com	013 - 580 6981
PINANG TUNGGAL Muhasdey Muhammad muhasdey@gmail.com	019 - 437 2887
PERMATANG BERANGAN Fahmi Abu Bakar mudiram@gmail.com	013 - 488 1601
SUNGAI DUA Rosli Hassan rosli1971@yahoo.com	019 - 410 5990
TELOK AIR TAWAR Mustafa Kamal Ahmad mustafakamalmka@gmail.com	019 - 556 9552
SUNGAI ACHEH Azmi Samsudin azmikeadilan@gmail.com	012 - 594 1515
BAYAN LEPAS Azril Mahathir Aziz ambasegaria.aam@gmail.com	017 - 594 1976
PULAU BETONG Mohd Tuah Ismail mtuah17@gmail.com	019 - 570 9500
TELUK BAHANG Halil Sabri Hamid halilsabri.hsh@gmail.com	017 - 460 4849

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999	JPJ	04-656 4131 04-398 8809
DIREKTORI TELEFON OPERATOR ANTARABANGSA	103	JABATAN PENDAFTARAN	04-226 5161
HOTLINE MBPP	101		
	04-263 7637	PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
	04-263 7000	TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
SEKRETARIAT KERAJAAN	04-262 1957	FERI (GEORGETOWN) (BUTTERWORTH)	04-210 2363 04-310 2377
NEGERI	04-262 2300	JAMBATAN PP	04-398 7419
KASTAM	04-250 3419	STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
IMIGRESEN	04-228 0342	PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342	CAP	04-829 9511
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340	BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161 04-281 1108
EPF	04-226 1000	PERPUSTAKAAN PP	04-229 8555
SOCSCO	04-238 9888		

PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

N1	Penaga	: 012 - 445 1767	- Muazah	Bungah	: 011 - 12441069	- Hezreen
N2	Bertam	: 012 - 466 9681	- Fatimah Bakar	Air Putih	: 04 - 829 0614	- Hong Kian Beng
N3	Pinang	: 017 - 424 9371	- Tasrin Tugemin			
N4	Tunggal		- Farrah Erika	Kebun	: 012 - 493 3342	- Cheng Kok Eong
N5	Pematang	: 012 - 505 1334	- Zuhair	Bunga	: 017 - 956 3237	- Quah
N6	Berangan	: 016 - 412 8588	- Mohd. Zamri	Tikus	: 012 - 431 7015	- Johnny Chee
N7	Sungai Dua	: 012 - 475 4326	- Mr.Lee	Pengkalan	: 012 - 401 1522	- Ch'ng Chin Keat
N8	Tawar		- Yeap Choon Keong	Kota	: 012 - 423 3227	- Benji Ang
N9	Sungai Puyu	: 012 - 480 5495	- Gesan	KOMTAR	: 010 - 811 7300	- Razin
N10	Bagan	: 013 - 449 0366	- Nor Hayati Mohd. Iskander	Datok	: 04 - 226 2464	- Kalvinder
N11	Jermal		- Kamal	Keramat		
N12	Bagan	: 016 - 473 1963	- Rosli	Sungai Pinang	: 04 - 282 6630	- Shuen
N13	Dalam		- Tira	Batu Lancang		
N14	Seberang	: 04 - 390 5109	- Mr.Lim	Seri Delima	: 019 - 4474362	- Karuna
N15	Jaya		- Yeoh Ee Yee	Air Itam	: 012 - 5242549	- Mahen James
N16	Permatang	: 019 - 412 8442	- Andrew Chin		: 016 - 4940705	- Janet
N17	Pasir	: 013 - 595 6865	- Ikhwan	Paya Terubong	: 012 - 484 1963	- Toon Hoon Lee
N18	Penanti	: 04 - 538 2871	- Chan			
N19		: 04 - 538 3871	- Lai	Batu Uban	: 016 - 205 1185	- Frankie Kee
N20	Berapit	: 016 - 401 3507	- Sri Sangar		: 016 - 480 0232	- Jalal
N21		: 017 - 446 1817	- Lim Tuan Chun		: 016 - 487 8602	- Khairul
N22	Machang	: 012 - 474 0964	- G.Dumany		: 016 - 444 3550	- Sathyia
	Bubuk	: 012 - 473 0964	- Khor			
	Padang	: 017 - 552 8928	- Abdul Halim			
	Lalang	: 014 - 945 9786	- Mr. Khor			
	Perai	: 04 - 383 9131	- NorJuliana			
	Bukit	: 013 - 518 8735	- Hasbullah			
	Tengah		- Siti Hajar Abdul Aziz			
	Bukit Tambun	: 016 - 404 9120	- Tina			
		: 017 - 378 4448				
	Jawi	: 017 - 408 4784				
</td						

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2017**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Heng Yeh Shiuan	016 - 261 2460
H'ng Mooi Lye	012 - 425 2602
Kumar a/l Kanapathy	04 - 323 8757 016 - 407 6058
Mohamad Shaipol Ismail	019 - 414 6079
Satees A/l Muniandy	016 - 438 4767
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Thomas Loh Wei Pheng	04-390 6836 012 - 409 6836
Woo Sze Zeng (Joshua)	016 - 557 6672
Zulkifli Ibrahim	012 - 477 5588
Mohd Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Zaini Awang	019 - 546 3115
Ong Jing Cheng	016 - 445 5709 012 - 758 3779
Anuar Yusoff	04 - 507 5390 016 - 4616 390
Dr Amar Pritpal Abdullah	04 - 582 2020 019 - 452 2020
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Dr. Seow Kweng Tian	04 - 593 5493 012 - 507 2229
Fadzil Hj Abdullah	017 - 343 4464
Zulkiply Ishak	013 - 431 6161
Dr. Tiun Ling Ta	04 - 505 7288 013 - 430 2096
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Hamizah Abdul Manab	013 - 591 6344

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Chiam Heng Hak	Timur Laut	Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR.	04 - 650 5556
2.	Ahmad Azrizal Tahir	Barat Daya	Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau.	019 - 541 4818
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara	Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas.	012 - 488 1553
4.	P. Rachenamorthy	Seberang Perai Tengah	Pejabat Bangunan MPSP, Jalan Betek, Bukit Mertajam	019 - 457 2271
5.	A. Veerasamy	Seberang Perai Selatan	Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi.	012 - 451 5938

Nota:

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBPP 2017**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Ahmad Azrizal Tahir	012 - 498 4556
Ahmad Razaaim bin Azimi	012 - 572 4711 016 - 451 9225
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Gan Ay Ling	012 - 401 2265
Goh Choon Keong	019 - 471 7931
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Teoh Koon Gee	016 - 419 1938
Harvindar a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Joseph Ng Soon Siang	012 - 423 9143
Kala a/p Durai Raj	016 - 468 4247
Khoo Salma Nasution	017 - 456 6012
Kumaresan a/l Aramugam	014 - 945 9621
Lee Chun Kit	012 - 519 2152
Mhd. Nasir Yahya	012 - 402 6739
Muhammad Bakhtiar Wan Chik	019 - 470 8811
Noor Syazwani Md Amin	014 - 307 7101
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Ong Ah Teong	012 - 410 6566
Saiful Azwan Abd Malik	016 - 463 2787
Shahrudin Mohamed Shariff	012 - 428 3160
Shung Yin Ni	012 - 413 9246
Syerleena Abdul Rashid	019 - 225 6502
Tan Chiew Choon	019 - 470 4499
Wong Yuee Harrng	016 - 439 9121

**Kalendar Pelancongan
Pulau Pinang Januari 2017**



28hb - 29hb Januari
Tahun Baru Cina

SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

Penulis:
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

Jurugambar/Juruvideo:
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA DAUD

Jurugrafik:
IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Pengiktirafan antarabangsa, manfaat golongan peniaga Pulau Pinang

GEORGE TOWN – Pengiktirafan demi pengiktirafan yang diraih Pulau Pinang pada peringkat antarabangsa bukan sahaja mengharumkan nama negeri di mata dunia, malah juga telah memanfaatkan golongan peniaga di sini dengan kemasukan pelancong yang kian meningkat saban tahun.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pengiktirafan-pengiktirafan tersebut adalah bukti bahawa polisi yang dilaksanakan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang iaitu Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT) berjaya menjadikan negeri ini setaraf dengan bandar-bandar utama di dunia.

"Ini bukan sahaja berita baik kepada kita (Kerajaan Negeri), malah kesannya turut dapat dirasai oleh peniaga-peniaga di Pulau Pinang khususnya dengan kebanjiran para pelancong dari dalam dan luar negara," katanya pada Majlis Sambutan Hari Penjaja dan Komuniti Peniaga 2016 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Patahiyah Ismail, Ahli-ahli Majlis dan warga MBPP.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, **dalam usaha menaikkan imej negeri dan bandar raya George Town sebagai sebuah bandar raya bertaraf antarabangsa, Kerajaan Negeri bersama-sama pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi-agensi dibawahnya senantiasa melakukan perubahan serta pembangunan demi menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan untuk sektor pelancongan.**

"Terdapat tiga perkara utama yang menjadi penekanan iaitu, pertama, kita sedang berusaha menambah baik infrastruktur dan menaik taraf kompleks-kompleks penjaja di seluruh kawasan.

"(Kedua), jaringan hubungan perlulah baik. Kerana itulah, Pelan Induk Pengangkutan (PIP) negeri perlu dilaksanakan agar pelancong dan penduduk tempatan merasa selesa berada di sini.

"Dan usaha ketiga, adalah perlu menghebatkan lagi lokasi-lokasi tarikan pelancongan terbaru di Pulau Pinang sebagai destinasi seperti *The TOP @Komtar, The Habitat, Rainbow Skywalk* dan



KETUA MENTERI sambil ditemani Chow Kon Yeow (kanan sekali) beramah-mesra dengan sebahagian pemenang bagi kategori masing-masing pada Majlis Sambutan Hari Penjaja dan Komuniti Peniaga 2016 di sini baru-baru ini.

bermacam-macam lagi,” ujarnya.

Bersempena Majlis Sambutan Hari Penjaja dan Komuniti Peniaga 2016, sebanyak sembilan kategori penjaja dipertandingkan iaitu, Anugerah Khas; Restoran Terbaik; Nasi Kandar Terbaik; Restoran Dalam Hotel Terbaik; Makanan Segera Terbaik; Kedai Kopi/Makan Terbaik; Gerai Terbaik; Pengurusan Pasar Malam/Pasar Tani Terbaik dan Penyediaan Makanan Terbaik Untuk Kompleks.

Dalam pada itu, Patahiyah dalam ucapannya menyatakan bahawa MBPP sejak 2009 telah menjalankan kerja-kerja menaik taraf kompleks pasar dan makanan bagi memastikan kemudahan yang disediakan bersesuaian dengan keadaan semasa dan selesa untuk digunakan semua pihak.

"MBPP sedar dan sentiasa responsif kepada penjaja-penjaja kecil dan komuniti peniaga dalam menjadikan bandar raya kita sebagai salah satu destinasi pelancongan dan syurga makanan.

"Atas sebab itu, kita sentiasa merealisasikan inspirasi Kerajaan Negeri bagi membantu golongan peniaga kecil menikmati kesan pembangunan negeri, dan majlis sambutan ini merupakan penghargaan ke atas sumbangan penjaja dan komuniti peniaga dalam membangunkan ekonomi Pulau Pinang," jelas beliau.

JKKK mesti jadi benteng keselamatan ke-4 negeri - Rashid



MOHD. RASHID HASNON (tengah) bergambar kenangan dengan ahli-ahli jawatankuasa JKKK Bukit Panchor pada Majlis Jamuan Malam & Penyampaian Anugerah JKKK Terbaik Peringkat Negeri Pulau Pinang 2015/2016 di sini baru-baru ini.

BERTAM - Kesemua 299 Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) di kelima-lima daerah mesti merasai diri masing-masing sebagai benteng keempat buat Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata demikian pada Majlis Jamuan Malam & Penyampaian Anugerah JKKK Terbaik Peringkat Negeri Pulau Pinang 2015/2016.

"Benteng pertama bagi sebuah Kerajaan adalah barisan Ahli Parlimen, kedua adalah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), ketiga adalah Ahli Majlis di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT).

"JKKK ini sebenarnya adalah benteng keempat paling penting untuk mempertahankan mandat Kerajaan Negeri hari ini.

"JKKK mesti terus meningkatkan mutu pelanggan di peringkat komuniti agar imej Kerajaan Negeri terus terpelihara dan mendapat mandat rakyat," ujarnya yang juga ADUN Pantai Jerejak pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang mewakili Ketua Menteri turut berucap sebelum menyempurnakan acara perasmian majlis anugerah dwi tahunan tersebut.

Serentak dengan majlis anugerah itu, Mohd. Rashid yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat turut melancarkan Program 'Satu Komuniti Satu Koperasi, Satu Komuniti Satu Perniagaan'.

JKKK Bukit Panchor, Jawi yang diumumkan sebagai JKKK Terbaik membawa pulang geran RM50,000, piala pusingan dan sijil pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri.

JKKK Jalan Tenggiri, Seberang Jaya yang memenangi tempat kedua diberi geran RM10,000, manakala geran RM5,000 kepada JKKK Lip Sin, Batu Uban yang berada di kedudukan ketiga terbaik.



• Perlukan Modal Tambahan? • Ingin.... Kembangkan Perniagaan?
• Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTSR Segera!!!

TANPA
CAGARAN &
PENJAMIN

PINJAMAN MIKRO KREDIT PROJEK TITIAN SAKSAMA RAKYAT (PTSR) NEGERI PULAU PINANG

SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun • Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
- Mempunyai lesen perniagaan dan telah berniaga sekurang-kurangnya 6 bulan

RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA)
TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN
TANPA FAEDAH

MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4)
TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN
8% FAEDAH SETAHUN



Dialog Umum Tambakan Laut Selatan P. Pinang, lebih 50% nelayan beri reaksi positif

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : SHUM JIAN-WEI

BAYAN LEPAS — Lebih 50 peratus nelayan yang mengikuti sesi dialog umum pada 17 Disember lalu melahirkan reaksi positif terhadap penjelasan pihak Jururunding Kajian Impak Alam Sekitar berhubung beberapa isu berbangkit berkaitan projek penambakan laut menjadi tiga pulau jadian di selatan bahagian pulau negeri ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, daripada kajian, proses rundingan dan sesi dialog yang dijalankan secara berterusan menunjukkan bahawa lebih daripada 50 peratus golongan nelayan menerima projek dengan positif.

"Walaupun masih kedengaran

dan ada suara-suara membangkang, tetapi ia adalah kumpulan yang kecil jika dibandingkan dengan bantahan diterima pada sesi dialog pertama yang diadakan pada awal tahun lalu.

"Pada (sesi dialog) masa itu, hampir 98 peratus (nelayan) membantah, tetapi pada bulan Jun tahun lalu, setelah beberapa kajian dan sesi penerangan dijalankan secara berterusan dengan mereka, sudah nampak perubahan ketara dan hampir 45 peratus golongan nelayan boleh menerima projek ini.

"Kini (Disember 2016), setelah mengambil kira pandangan-pandangan mereka (golongan nelayan), Kerajaan Negeri percaya lebih daripada 50 peratus boleh menerima dengan positif," katanya pada sidang media selepas Sesi Dialog Umum Cadangan Penambakan Tanah dan Pengurukan

Penang South Reclamation (PSR) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan barisan Exco Kerajaan Negeri.

Turut serta, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan wakil-wakil Konsortium SRS yang dipilih menjadi Rakan Pelaksana Projek (PDP) bagi Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP) dan PSR berkaitan.

Kajian Impak Alam Sekitar PSR diketuai Datuk Dr. Sharifah Mastura Syed Abdullah dari syarikat Jururunding Dr. Nik & Associates.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut memberi respons terhadap isu pampasan yang dibangkitkan oleh

beberapa nelayan pada sesi dialog berkaitan.

Beliau memberitahu, isu-isu pampasan dan segala butiran mengenainya belum lagi diteliti pada peringkat ini (peringkat kajian dan maklum balas) ekoran sesi dialog yang diadakan adalah lebih kepada kesan terhadap alam sekitar.

"Walaupun kita masih mendengar keluhan, pandangan dan rayuan mereka terabit berhubung pampasan serta penempatan semula.

"Ini menunjukkan mereka (nelayan) boleh menerima projek ini dengan harapan Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan segala



CHOW Kon Yeow (barisan depan, tiga dari kanan), Mohd. Rashid Hasnon (barisan depan, empat dari kanan), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil pihak Jururunding Dr. Nik & Associates pada Sesi Dialog Umum Cadangan Penambakan Tanah dan Pengurukan PSR di sini baru-baru ini.

permintaan dikemukakan.

"Memandangkan ia adalah projek Kerajaan Negeri sendiri dan bukannya pihak swasta, kita (Kerajaan Negeri) berjanji serta bersetuju untuk mengikuti semua syarat-syarat yang ditetapkan mengikut undang-undang," ujar beliau.

Tambakan laut selatan P. Pinang, KN patuhi segala prosedur & undang-undang ditetapkan - Exco

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI

GEORGE TOWN — Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow menafikan laporan sebuah akhbar berbahasa Malaysia yang merujuk kepada kenyataan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berhubung Projek Tambakan Laut di bahagian selatan Pulau Pinang.

Artikel yang disiarkan pada 20 Disember lalu bertajuk, "EIA didakwa tak patuhi undang-undang" sebagai dipetik mendakwa bahawa Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) bagi projek berkaitan gagal mematuhi beberapa perkara asas yang digariskan dalam undang-undang sedia ada.

"Kenyataan tersebut adalah tidak benar, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa memastikan segala prosedur dan peruntukan undang-undang yang ditetapkan dipatuhi.

"Malah, dalam persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) baru-baru ini juga, kita (Kerajaan Negeri) mengemukakan usul bahawa tidak ada sebarang projek pembangunan yang akan dimulakan selagi Laporan EIA tidak diluluskan serta segala peruntukan perundangan dipatuhi.

"Sebagai penggerak projek, pastinya Kerajaan Negeri sedia bekerjasama sepenuhnya dengan pihak Kementerian NRE, jabatan-jabatan atau agensi berkenaan dalam memastikan semua keperluan berhubung Laporan EIA dipatuhi," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang media yang diadakan di sini baru-baru ini sebagai respons terhadap laporan akhbar berkenaan.

Menurut Kon Yeow, segala persoalan atau isu yang dibangkitkan seperti Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) dan Majlis Tanah Negara (MTN) akan diperjelaskan kepada semua pihak berkaitan ketika proses penelitian Laporan EIA oleh jabatan serta agensi berwajib.

Malah, pada 17 Disember lalu, Kerajaan Negeri turut mengadakan Sesi Dialog Umum

yang dibentangkan oleh pihak jururunding merangkumi lapan jilid kajian termasuk Kajian EIA, Kajian Hidraulik, Kajian Impak Perikanan, Kajian Impak Sosial, Kajian Impak Trafik, Kajian Kualiti Air, Kajian Pendaratan Penyu dan Kajian Impak Tsunami.

"Sesi dialog ini diadakan secara komprehensif dan ia merupakan sebahagian keperluan yang telah digariskan serta perlu dipatuhi oleh Kerajaan Negeri.

"Segalanya termasuk laporan kajian impak ini masih berlangsung belum diserahkan kepada JAS (Jabatan Alam Sekitar) dan Kerajaan Negeri mematuhi setiap langkah yang perlu, jadi saya tidak nampak kebenaran dakwaan menyatakan bahawa Laporan EIA tidak mematuhi undang-undang," sangkalnya yang turut memberi jaminan bahawa Kerajaan Negeri akan mematuhi dan melaksanakan semua saranan yang diperoleh melalui sesi dialog baru-baru ini dalam Laporan EIA.

Selain itu, tambah Kon Yeow, kajian untuk Laporan EIA yang telah dijalankan oleh perunding adalah berdasarkan Terma Rujukan atau *Terms of Reference* (TOR) yang telah diluluskan oleh JAS.

"Seperti yang diumumkan sebelum ini, tempoh 14 hari telah disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk orang ramai memberi maklum balas bermula dari tarikh sesi dialog.

"Malah, kita (Kerajaan Negeri) memberi jaminan semua persoalan dan maklum balas akan dimasukkan dalam Laporan EIA dan dijangka diserahkan kepada JAS pada bulan Januari 2017.

"Sejurus laporan dikemukakan, iklan akan disiarkan di surat khabar utama selama tiga hari berturut-turut untuk memaklumkan lokasi pameran Laporan EIA tersebut yang dipanggil 'Public Display'.

"Laporan akhir ini akan dipamerkan kepada umum selama 30 hari bagi membolehkan orang ramai memberi maklum balas dalam tempoh 45 hari dari tarikh laporan dipamerkan.

"Semuanya masih lagi dalam proses... sedang berjalan," jelas beliau.

Dokumen RFP PIP dibuka kepada umum selama sebulan, mulai 16 Januari 2017

GEORGE TOWN — Dokumen panggilan tender (*Request for Proposal*, RFP) bagi pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Pulau Pinang yang telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri oleh rakan pelaksana projek, SRS Consortium akan dibuka untuk paparan umum selama satu bulan mulai 16 Januari hingga 17 Februari 2017.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, dokumen tersebut akan dipaparkan di Dewan Sri Pinang, Jalan Syed Sheh Barakbah mulai 16 Januari 2017.

Dua bilik telah ditempah khas iaitu Bilik Bougainvillea dan Bilik Cempaka bagi tujuan paparan umum mengikut ketetapan berikut:

- a. Hari Isnin hingga Khamis
 - 8 pagi hingga 1 tengah hari dan
 - 2 petang hingga 5 petang
- b. Hari Jumaat
 - 8 pagi hingga 12.15 tengah hari dan
 - 2.45 petang hingga 5 petang

Sebanyak dua salinan dokumen RFP akan dipaparkan kepada umum melibatkan 21 jilid dokumen.

"Sepanjang sesi ini, orang ramai boleh datang dan meneliti dokumen tersebut, tetapi tidak dibenarkan dalam apa jua bentuk sekalipun membuat salinan kerana dokumen ini masih diklasifikasikan sebagai dokumen berperingkat atau sulit.

Kerajaan Negeri lantik USM sebagai 'Peer Review' bagi PIP

GEORGE TOWN — Universiti Sains Malaysia (USM) dilantik oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai perunding 'Peer Review' bagi pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Pulau Pinang.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, pelantikan sepasukan pakar perunding itu adalah bagi membolehkan segala cadangan yang dikemukakan oleh rakan pelaksana projek, SRS Consortium diteliti oleh pihak berkaitan.

"Lantikan ini adalah bagi memastikan adanya 'check and balance' antara SRS Consortium dan Kerajaan Negeri di samping menjaga kepentingan kita semua (Kerajaan Negeri dan seluruh rakyat Pulau Pinang).

"Orang ramai yang hadir juga perlu mengisi sesalinan Borang Deklarasi Pematuhan syarat-syarat sebelum dibenarkan melihat dan meneliti dokumen berperingkat ini," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut memaklumkan bahawa dokumen yang dipaparkan kepada umum berkaitan merupakan cadangan alternatif PIP oleh SRS Consortium, dan terdapat perubahan dalam cadangan berkenaan termasuk penambahbaikan setelah mengambil kira beberapa siri lab integrasi projek-projek mega yang dilaksanakan secara bersama oleh pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan sebagainya.

Pada 8 Ogos 2014, Kerajaan Negeri telah memanggil satu tender RFP bagi pelaksanaan PIP dan ditutup pada 16 Februari 2015.

Dalam tempoh tersebut, seramai enam pembida telah menghantar tender kepada Kerajaan Negeri dan setelah penilaian secara teliti dilaksanakan, Kerajaan Negeri bersetuju untuk melantik SRS Consortium Sdn. Bhd. sebagai rakan pelaksana projek (PDP).

Pelantikan SRS Consortium secara rasmi dibuat melalui serahan *Letter of Award* (LOA) pada 14 Ogos 2015 oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

"USM akan meneliti dan mengkaji semula segala cadangan SRS Consortium terutamanya dalam aspek teknikal dan pembangunan model pengangkutan serta lalu lintas," ujarnya dalam sidang media yang diadakan di sini baru-baru ini.

Menurut Kon Yeow, USM merupakan badan profesional dan bebas yang akan memberikan maklum balas kepada Kerajaan Negeri.

"Kerajaan Negeri mempunyai keyakinan dengan kepakaran dan kemampuan USM dalam memberikan nasihat dan maklum balas.

"Diharapkan perkara ini akan membantu Kerajaan Negeri dalam membuat sebarang keputusan mewakili semua rakyat Pulau Pinang untuk kepentingan masa hadapan," ujar beliau.



ADUN Batu Maung, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (kiri sekali) menyampaikan sumbangan bantuan persekolahan kepada para pelajar terpilih di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) beliau.




AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin (barisan belakang, tengah) bergambar bersama-sama para pelajar terpilih penganjuran program Back To School DUN Seberang Jaya.



ADUN Pantai Jerejak, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (dua dari kiri) beramah-mesra dengan salah seorang penerima sumbangan barang kelengkapan persekolahan anjuran pusat khidmat beliau.

Kembali ke sekolah!



ADUN Paya Terubong, Yeoh Soon Hin (barisan belakang, empat dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama para penerima sumbangan barang kelengkapan sekolah.



ADUN Padang Lalang, Chong Eng di Majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan oleh Zakat Pulau Pinang (ZPP) anjuran pusat khidmatnya.



ADUN Jawi, Soon Lip Chee (barisan belakang, lima dari kanan) bersama-sama para penerima sumbangan baucar dan beg sekolah dari Pusat Urus Zakat (PUZ) Pulau Pinang anjuran pusat khidmatnya.



ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim memerhatikan reaksi seorang kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam Program Potong Rambut Percuma dan Sumbangan Peralatan Sekolah anjuran pusat khidmat beliau.



ADUN Seri Delima, R.S.N. Rayer (barisan belakang, tengah) bergambar kenangan para penerima bantuan persekolahan anjuran KADUNnya.



TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesahkan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam : 8733 LEE WAI FENG - 78080707**** NO. 3V JALAN DELIMA, ISLAND GLADES 11700 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 8763 FONG KEAN WAH - 79061807**** 305-8-8 KRYSTAL VILLA, JALAN SULTAN AZLAN SHAH 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 8799 CHEONG MEE FONG - 79081907**** NO. 1 JALAN ADDA 1/16, TAMAN ADDA, JOHOR BAHRU 81100 JOHOR	No Akaun Peminjam : 8802 CHUA SWEE GUAN - 81112007**** 7 LINTANG KOTA PERMAI 3, TAMAN KOTA PERMAI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : LEE WAI PHENG - 70111607**** NO. 3V JALAN DELIMA, 11700 ISLAND GLADES, PULAU PINANG	Penjamin 1 : CHOO KAM FUAT - 57041707**** A305-3-14 KRISTAL VILLA, JALAN SULTAN AZLAN SHAH 11900 SUNGAI NIBONG, PULAU PINANG	Penjamin 1 : CHEONG KONG TUCK - 73091707**** K-15-1 LEBUH RELAU 2, VISTA CONDO, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 1 : CHUA CHOON KIAT - 44113002**** 7 LINTANG KOTA PERMAI 3, TAMAN KOTA PERMAI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : CHAN KUD CHEONG - 72080907**** D-3-13 LORONG TENGGIRI 1, 13700 SEBERANG JAYA	Penjamin 2 : CHAN BOON WAY - 78030907**** 5-4-10 LEBUH BUKIT KECIL 6, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2 : CHEE KOE FANG - 79112507**** NO. 16 MEDAN FESTIES, 11200 TANJUNG BUNGAH, PULAU PINANG	Penjamin 2 : CHEAM KEE CHU - 57071107**** 7 LINTANG KOTA PERMAI 3, TAMAN KOTA PERMAI 14000 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam : 8828 ANANDA/A/P KANAN - 79042908**** NO. 91 LORONG KS 4/2, KULIM SQUARE 09600 LUNAS, KEDAH	No Akaun Peminjam : 8829 CHAN CHOONG LEONG - 76031414**** 76-12-02 SRI WANGSA 2, JALAN PENAWAR 1, 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 8837 GOH JOO HOW - 79121807**** 8 LORONG KETITIR 2B, TAMAN KETITIR 14200 SUNGAI BAKAP, SPS	No Akaun Peminjam : 8858 ZALIYATON NASIRAH BT SI RAMLI - 80010908**** 1439 MK 20 SG SEMAMBU 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : KANAN A/L MUNIANDY - RF/47*** 2 TINGKAT MERBUK, TAMAN SRI NIBONG 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 1 : CHAN CHOONG PING - 75033114**** M1-02-07 SUBANG PERDANA COURT 7, PERSIARAN MULIA USJ 14, 47610 SUBANG JAYA, SELANGOR	Penjamin 1 : BONG AH CHUI - 70031002**** NO. 890 LOT 10, JALAN BUKIT BESAR, 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 1 : ZALI HIDARUS BIN SI RAMLI - 77051608**** NO.1439 MK 20, SUNGAI SEMAMBU 14000 BUKIT MERTAJAM, SPT
Penjamin 2 : NADARAJAH A/L MUNUSAMY - 48081207**** 2382 KALEDONIA ESTATE, JALAN SUNG AI DAUN 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 2 : CHAN HONG CHIN - 52053002**** 76-12-02 SRI WANGSA, JALAN PENAWAR SATU 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2 : TAN HONG SOON - 79010507**** NO.1853 PADANG LALLANG 14120 SIMPANG AMPAT, SEBERANG PERAI SELATAN	Penjamin 2 : SAMSDIN BIN YASIN - 68072208**** 584 PERMATANG JANGGUS, PERMATANG PAUH 13500 SPT
No Akaun Peminjam : 8914 ONG SOON HONG - 79040507**** NO.128-E BATU FERINGGHI 11100 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 8922 NOOR KHUZAINI BT CHE ME - 80122807**** NO. 20 KAMPUNG HILIR, BUKIT SAPI, LENGGONG 33400 PERAK	No Akaun Peminjam : 8954 SEW YIN YIN - 81110807**** 3C-21-02 N-PARK CONDOMINIUM, JALAN BATU UBAN 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9031 FRANCIS RAJ A/L NADARAJEE - 81020207**** 2-15 PANGSAPURI TELAGA EMAS, OFF JALAN TELAGA AIR 12200 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : ONG KENG SEONG - 48061407**** 2-13-6 TAMAN JUBILEE 4, LENGGOK NIPAH 3, SUNGAI DUA 11700 PULAU PINANG	Penjamin 1 : CHE ME BIN BAKAR - 48081802**** NO. 20 KAMPUNG HILIR, BUKIT SAPI, LENGGOK 33400 PERAK	Penjamin 1 : SEW SIEW HONG - 68033007**** 2B-2-8 REGENCY HEIGHTS CONDOMINIUM, CANGKAT KENARI, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1 : MOHAMED IBRAHIM BIN SHEIKH MAIDIN - 57032871**** BLOK B-1-0106, PANGSA SRI BAGAN, BAGAN DALAM 12100 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : LEE SWEE BEE - 50040407**** 5-14-4 LEBUH RELAU 4, DESA CLARISSA, RELAU 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2 : MOHD MUZLI BIN MOHD AMIN - 56091207**** 40 PERSIARAN SEKSYEN 6/28, BANDAR PUTRA BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2 : ONG HOOL EONG - 78021607**** 15 LORONG MERANTI 11, TAMAN MERANTI, SUNGAI PUYU 13000 BUTTERWORTH	Penjamin 2 : NADARAJEE A/L KUPPUSAMY - 59060302**** NO. 85 TAMAN SADERI, 09600 LUNAS, KEDAH
No Akaun Peminjam : 9051 WONG PHEI CHEN - 80083007**** BLOK 03-07-02 SRI IVORI, LENGGOK ANGSANA, BANDAR BARU AYER ITAM 11500 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9057 SITI LYDIA BINTI RAHIM - 83091902**** 3387 BAGAN JERMAL 12300 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam : 9064 NOORSIDA BINTI AHMAD - 83062407**** F-3-A TALI AIR BESAR, TANJUNG PIANDANG 34250 PERAK	No Akaun Peminjam : 9099 RENUGA A/P SAMOGOM - 81012807**** 15-2-3 LORONG BATU BUKIT 2, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG
Penjamin 1 : WONG LOO FUAT - 58101907**** BLOK 03-07-02 SRI IVORI, LENGGOK ANGSANA BANDAR BARU AYER ITAM 11500 PULAU PINANG	Penjamin 1 : ROZALI BIN ABOO SULAIMAN - 61112307**** NO.1203 BAGAN JERMAL 12300 BUTTERWORTH	Penjamin 1 : HAZAMI BIN MOHAMAD ZAIN - 58041307**** 5079 PERMATAKUALA 13100 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 1 : RAVI A/L KALIMUTHU - 59090607**** 11 LORONG IMPIAN MURNI 2, TAMAN IMPIAN MURNI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : HONG BAN CHYE - 53091407**** BLOK 2-8-11 LINTANG KAMPUNG MELAYU 2, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG	Penjamin 2 : SITI NOORUSHINA BINTI SHAHARANI - 75121407**** NO.3218 BAGAN JERMAL 12300 BUTTERWORTH	Penjamin 2 : NOOR HAYATI BINTI SHAHABUDDIN - 62090507**** NO. 8 PINTAS SEMILANG 11, SEBERANG JAYA 13700 PERAI	Penjamin 2 : RAGOO A/L KALIMUTHU - 68120307**** 44 PERSIARAN HALIA SATU, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam : 9124 LEE HENG KEONG - 82060507**** C-G-08 LORONG BUNGA RAMPAI 5, TAMAN PANDAN 13400 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam : 9126 NG KOK PIN - 83032007**** 42 JALAN JAMBU MAWAR 3, TAMAN JAMBU MAWAR 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam : 9145 TAN CHAI SIAN - 82091707**** 39-1 TAMAN ANGGERIK, JALAN ANGGERIK 12300 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam : 9158 YEE SOU YIP - 83080307**** NO.515-A BLOK D2, LORONG TUNA, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : LEE AI PHENG - 79080507**** NO. 9 LINTANG RUSA, TAMAN SELAMAT, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1 : NG KOK MENG - 70092207**** NO. 9 CANGKAT KENARI 3, SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 1 : TAN CHAI CHUNG - 77091107**** NO. 4 LORONG MURNI 15, TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	Penjamin 1 : YEE TUCK MEE - 56111807**** 1188 MK 4, BUKIT MERAH 13500 PERMATANG PAUH, SEBERANG PERAI TENGAH
Penjamin 2 : LEE HENG HOCK - 76050707**** B1-09-03 ROYAL DOMAIN @ SRI PUTRAMAS 2 CONDO, JALAN PUTRAMAS OFF JALAN KUCHING 51200 KUALA LUMPUR	Penjamin 2 : CHEW POH CHENG - 71040607**** NO. 9 CANGKAT KENARI 3, SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 2 : BEH PHAIK HOON - 77062807**** NO. 33 TAMAN MERBAU, OFF JALAN RAJA UDA 13000 BUTTERWORTH	Penjamin 2 : YEE SENG YIP - 6111407**** NO. 48 JALAN INDAH 3, TAMAN TIRAM, LUNAS 09600 KEDAH
No Akaun Peminjam : 9161 TAN VIN CI - 83032007**** 3-10-5 TAMAN LEMBAH HIJAU, LORONG GANGSA 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9196 SHABRIYAH BINTI SEHAT - 83050907**** 15 LORONG SERI INDAH 7/5, TAMAN SERI INDAH 13200 KEPALA BATAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9199 TAN TZE YANN - 80022007**** NO. 10 JALAN SUCI 25/90, TAMAN SRI MUDA 40400 SHAH ALAM, SELANGOR	No Akaun Peminjam : 9230 NG HUN CHONG - 76082107**** NO. 29 JALAN MOUNT ERSKINE 10470 PULAU PINANG
Penjamin 1 : LING KEE HWI - 55112707**** 11-A JALAN BABAH AHMAD, TANJUNG BUNGAH 11200 PULAU PINANG	Penjamin 1 : SEHAT BIN JUSOH - 49072307**** 2929 MUKIM 16, TASEK JUNJONG 14120 SIMPANG EMPAT, SEBERANG PERAI SELATAN	Penjamin 1 : TAN CHOOH MENG - 59052702**** BLK B 4 LOT B6 PH 18 & 19, KEPAYAN RIDGE, KOTA KINABALU 88300 SABAH	Penjamin 1 : NG BEE LENG - 68080107**** NO.703-G JALAN MOUNT ERSKINE 10470 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TEH SENG YEAM - 49010207**** 31-B3-4 JALAN TANJONG TOKONG, GRANDVIEW CONDOMINIUM 10470 PULAU PINANG	Penjamin 2 : AISON BT MOHD GHAZALI - 53012307**** 2929 MUKIM 16, TASEK JUNJONG 14120 SIMPANG EMPAT, SEBERANG PERAI SELATAN	Penjamin 2 : CHONG MEI CHOO - 62050202**** BLK B 4 LOT B6 PH 18 & 19, KEPAYAN RIDGE, KOTA KINABALU 88300 SABAH	Penjamin 2 : LEE KAM FAIT - 74120307**** 11A-8-12 TINGKAT PAYA TERUBONG 2, 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam : 9245 SITI ROHAIZA BT ZAINOL - 82010407**** 140 JALAN WARISAN PUTERIA 6, BANDAR WARISAN PUTERIA 70400 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN	No Akaun Peminjam : 9251 TAN HUI SAN - 82121307**** 26 LORONG ASAS MURNI 6, TAMAN ASAS MURNI 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam : 9297 INTAN ZURIDA BINTI AHMAD FAUZI - 82041807**** NO. 10 LORONG SHAHBANDAR 15, BERTAM PERDANA 3, 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam : 9302 NG BOON PING - 82011707**** 1557 KAMPUNG SELAMAT 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : AHMAD FAIZAL BIN HJ ZAINOL - 69090707**** 3-12-A TAMAN AIR TAWAR INDAH, TELUK AYER TAWAR 13500 BUTTERWORTH	Penjamin 1 : NG SIEW POH - 5403207**** 1684 MK 15 KAMPUNG BAHRU 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1 : FHAEEZAH BINTI ABDUL AZIZ - 60071507**** NO. 10 JALAN BUNGA RAYA 2/8, SEKSYEN 2, SHAH ALAM 40000 SELANGOR	Penjamin 1 : TAN TEN KIAN (PEMANDU LORI) - 7407207**** NO. 172 JALAN KILANG LAMA, PUSAT PERNIAGAAN PUTRA, KELANG LAMA 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : HALIMATON SAKDIAH BINTI AHMAD - 58030407**** NO. 5631 BAGAN AJAM 13000 BUTTERWORTH	Penjamin 2 : LAI YEON TING - 70052307**** 1525 JALAN TAN SAI GIN 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2 : ZARINA BINTI ISHAK - 60071307**** 31 LORONG BERTAM INDAH 4/1, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2 : TEOH HANG CHUN - 80113007**** 2988 LORONG SELASIH 4/1A, TAMAN SELASIH, KULIM 09000 KEDAH
No Akaun Peminjam : 9307 KHAIRUL MIMI BT MOHAMAD KAMIL - 82031507**** KIRI 73 BLOCK D, MUKIM 12, SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9323 NG THERNG FEI - 82101707**** 70 PERSIARAN KIKIK 1, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI	No Akaun Peminjam : 9351 LEE HUEY THING - 80112107**** 3-9-4 LINTANG PAYA TERUBONG SATU, AYER ITAM 11060 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9355 MOHD NAZMIN BIN ISMAIL - 83042507**** 1557 PERMATANG TOK GELAM 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : MOHAMAD KAMIL BIN HASSAN - 54080607**** KIRI 73 BLOCK D, MUKIM 12, SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 1 : LOW ENG HENG - 42070307**** 34 JALAN JAMBU MAWAR 1, TAMAN JAMBU MAWAR 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1 : LEE YEW KIAN - 74061107**** NO. 6 MEDAN KOLAM AIR 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 1 : AHMAD SOBRI BIN ARIFFIN - 72062307**** NO. 5360 PERMATANG TOK GELAM 13100 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : MOHD YUSRI BIN HASSAN - 65122207**** 73 BLOK D MUKIM 12, SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 2 : NG CHAI POA - 56090407**** NO. 12 JALAN BUNGA RAYA 2, OFF JALAN RAJA UDA 13000 BUTTERWORTH	Penjamin 2 : TAN LAY SEE - 78071907**** 9 LORONG CETI, 10300 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 2 : MOHAMMAD NIZAM BIN ISMAIL - 74120407**** NO.1557 PERMATANG TOK GELAM 13100 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA
No Akaun Peminjam : 9358 ROSSITA BINTI KASSIM LOH - 81122107**** NO. 112 JALAN TIMUR 2/4B, TIMUR ENSTEK, BANDAR ENSTEK 71760 NILAI, NEGERI SEMBILAN	No Akaun Peminjam : 9360 WENDY GOH GUAT HONG - 82012007**** 55-6-10 SRI MAHSURI, LORONG SEMPADAN DUA 11400 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9376 MOHD HASRUL BIN MOHD RAFEEK - 84121107**** 22 LORONG RUSA 3, TAMAN SELAMAT, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam : 9381 MOHD HAFIZ BIN SUID@SHUAIB - 83011307**** S.M.K. PERMAI INDAH, BUKIT MINYAK, 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : BADRUL HISHAM B KASSIM LOH - 73081007**** C-04-06 KONDOMINIUM MUTIARA, BANDAR PERDA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1 : GOH HOCK HIN - 53022607**** 55-6-10 SRI MAHSURI, LORONG SEMPADAN 2, 11400 PULAU PINANG	Penjamin 1 : HASMIN BIN HANIFAH - 71121007**** 22 LORONG RUSA 3, TAMAN SELAMAT, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1 : ROHAYU BINTI ABD RANI - 77120502**** 4308 PERMATANG TOK JAYA, SUNGAI DUA, 13800 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : YUSNIZA BINTI MOHD YUSOFF - 73072607**** C-04-06 KONDOMINIUM MUTIARA, BANDAR PERDA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2 : LIM BEE WAH - 4834*** NO.17 TAMAN DAVID CHEN 11400 PULAU PINANG	Penjamin 2 : ZAFRUN NISAH BINTI MOHAMED ALI - 62123107**** 151 JALAN TANJUNG TOKONG LAMA 10470 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 2 : MOHD MUNIR BIN SUID@SHUAIB - 78102307**** 22 LORONG SERI SERDANG 4/2, TAMAN SERI SERDANG 13200 KEPALA BATAS, SPU

Exco harap generasi muda terus pertahan sukan Perahu Naga



PASUKAN Wanita dari Iran menjadi tumpuan pada penganjuran Festival Perahu Naga Pulau Pinang 2016 di sini baru-baru ini.



AKSI pasukan-pasukan yang berentap.

Gambar : LAW SUUN TING

KEMBALI... Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang menyifatkan sukan Perahu Naga adalah sukan tradisi dan warisan Pulau Pinang yang perlu dipertahankan.

Katanya, sukan Perahu Naga menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah destinasi sukan terkenal, bukan sahaja pada peringkat kebangsaan bahkan antarabangsa.

“Saya berharap sukan ini akan terus dapat diwarisi oleh generasi berikutnya, anak-anak dan cucu cicit kita demi memartabatkan perlumbaan Perahu Naga dan seterusnya menjadikan Pulau Pinang terus dikenali,” ucapnya pada Majlis Perasmian Festival Perahu Naga Pulau Pinang 2016 di Empangan Teluk Bahang di sini baru-baru ini.

Bersempena penganjuran berkaitan, Kerajaan Negeri selaku pengajur menawarkan hadiah bernilai RM27,600.

Sebanyak 34 pasukan bertanding dan 15 daripadanya merupakan pasukan dari luar negara antaranya, Hong Kong, Singapura, Iran, China, Thailand dan lain-lain.

Mengulas lanjut, Heng Kiang memberitahu, dalam menyemai minat terhadap sukan berkaitan, Kerajaan Negeri turut menganjurkan bengkel mendayung perahu naga yang berlangsung pada Oktober lalu di Empangan Teluk Bahang.



TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang

Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627

Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 9404 OO LAY CHEW - 81033007**** NO.42 LORONG KURAU 21, CHAI LENG PARK 13700 PERAI	No Akaun Peminjam	: 9409 HASNAH BINTI ISMAIL - 56111107**** NO. 14 JALAN SS 19/6L, SUBANG JAYA 47500 SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 9421 SIVANESVARI A/P RAMACHANDRAN - 81012208*** 66 JALAN 6, TAMAN CENDERAWASIH 14300 NIBONG TEBAL, SPS	No Akaun Peminjam	: 9446 NORHANEZA BINTI ROSLAN - 84010907**** NO. 12 LORONG PAUH JAYA 2/1, TAMAN PAUH JAYA, 13700 PERAI
Penjamin 1	: LAW CHENG GUAN - 64070302**** NO. 3 LINTANG KURAU 3, CHAI LENG PARK 13700 PERAI	Penjamin 1	: NORAYAZIHAN BT MD NOOR - 66120807**** C-6-8 KONDOMINIUM IDAMAN PUTRA, JALAN 6/21D, MEDAN IDAMAN	Penjamin 1	: DEVANI A/P PACHAIAPPEN - 51082808*** 66 JALAN 6, TAMAN CENDERAWASIH, 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 1	: ROSLAN BIN RAMLI - 58032402**** NO. 5 SOLOK MAHSURI 1, TAMAN MELATI, BAYAN BARU 11950 PULAU PINANG
Penjamin 2	: CHEW SAW CHIN - 68042007**** NO. 3 LINTANG KURAU 3, CHAI LENG PARK 13700 PERAI	Penjamin 2	: HAWARI BIN MOHD NOH - 52042808**** NO. 64 JALAN SS 12/2E, 45700 SUBANG JAYA, SELANGOR	Penjamin 2	: PADMANI DEVI A/P PACHAIAPPEN – (MENINGGAL DUNIA) 3 LORONG BUNGA KANTAN 8, TAMAN KERIAN, PARIT BUNTAR 34200 PERAK	Penjamin 2	: MOHD FISOOL BIN RAMLI - 61031502**** NO. 32 HALAMAN TENGGIRI 2, 13700 SEBERANG JAYA, SEBERANG PERAI TENGAH
No Akaun Peminjam	: 9447 DANIEL SABRI SIVAGURU (BATHMANABAN A/L SIVAGURU) - 80082207**** NO. 60 JALAN RAWANG, GEORGETOWN 10460 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 9466 COLLEEN SIM LAY HOON - 81123107**** 11-4-10 LEBUH NIPAH 1, SUNGAI NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 9489 AGNES CHIN - 79103107**** 80 C MUKIM 13, AIR ITAM 11500 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 9500 NURUL HUSNA BINTI SUHAIMI - 84091207**** NO. 7 JALAN PANTAI JERJAK 10, SUNGAI NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1	: MUGUNTHON A/L A SIVAGURU - 74010208**** NO. 36-B JALAN UTAMA, 10460 PULAU PINANG	Penjamin 1	: POW LAY HOON - 80090107**** 522-A MUKIM 13 , SUNGAI DUA, GELUGOR, 11700 PULAU PINANG	Penjamin 1	: LIM BOON TEONG - 60050407**** A-6-8 LCF KAMPUNG MELAYU 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 1	: SUHAIMI BIN ABD WAHAB - 60092507**** NO. 7 JALAN PANTAI JERJAK 10, SUNGAI NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2	: GOPU A/L SIVAGURU - 76042407**** NO. 36-B JALAN UTAMA, 10460 PULAU PINANG	Penjamin 2	: TAN KEE LOON - 80102007**** NO. 14 MUKIM 9 , TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG	Penjamin 2	: CHEAH IM CHYE - 60032007**** 509 MUKIM D, KUALA JALAN BARU 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG	Penjamin 2	: SALINA BINTI ABD WAHAB - 67031807**** 5-7-7 PRIMA VIEW APARTMENT, LEBUH NIPAH 2, SUNGAI NIBONG 11900 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 9502 SHAMSURIA BINTI SHAMAS - 83082807**** NO. 16 BLOK A, MUKIM 12, SUNGAI NIBONG BESAR 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 9517 LOW CHEAN WEI - 81051607**** 2A LORONG BUKIT MINYAK UTAMA 18, TMN BUKIT MINYAK UTAMA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 9532 LIM BOON PING - 84022307**** 1866 JALAN BESAR, TAMAN MARKISAH 14100 SIMPANG EMPAT, SPS	No Akaun Peminjam	: 9546 MAIZATUL AKMAM BINTI AHMAD - 83041607**** 3-1-4 DESA SELATAN, JALAN JELUTONG 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1	: SALMAH BINTI AWANG - 63011802**** 16 BLOK A MUKIM 12 , SUNGAI NIBONG BESAR 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: SIM CHUN ENG - 75090402**** NO. 16 JALAN WAJA , TAMAN KIJANG 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: SU YAH - 44042310**** 23 LORONG MERAK 58, TAMAN TAMBUN JAYA 14100 SIMPANG AMPAT, SPS	Penjamin 1	: AMIR HAZRIL SANY BIN AHMAD - 79031507**** 3-1-4 DESA SELATAN, JALAN JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2	: JAAFAR BIN MAT - RF/T9**** CAWANGAN BEKALAN , IBUPEJABAT POLIS KONTINjen 10760 PULAU PINANG	Penjamin 2	: LOW GAU - 49100708**** 2 LORONG SEJAHTERA 22, TAMAN INDUSTRI, CHEROK TOK KUN 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: LIM KOX KHENG - 5111707**** 28 LORONG SRI KIJANG 42 , TAMAN SRI KIJANG, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: CHE AZNI BIN AZMI - 61102907**** BLOK 1B-G-05 PANGSAPIRI TAMAN AIR TAWAR INDAH, TELUK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH
No Akaun Peminjam	: 9542 SYED HAZZWARRI B SYED HAMZAH MUFAZZAL - 83092507**** NO. 64 LORONG MAHSURI 9, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG	Penjamin 1	: MOHAMAD RAIS BIN MUJI - 68042907**** BLOK E-6-2 TAMAN BUKIT JAMBUL OFF JALAN TUN DR AWANG, MK 13, 11900 BAYAN LEPAS PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: NORAIYAH BINTI ISHAK - 83050907**** 6269 PULAU MERTAJAM 13110 PENAGA, SPU	No Akaun Peminjam	: MAIZATUL AKMAM BINTI AHMAD - 83041607**** 3-1-4 DESA SELATAN, JALAN JELUTONG 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1	: MOHAMAD RAIS BIN MUJI - 68042907**** BLOK E-6-2 TAMAN BUKIT JAMBUL OFF JALAN TUN DR AWANG, MK 13, 11900 BAYAN LEPAS PULAU PINANG	Penjamin 2	: NOOR LIZA BINTI ZAKARIAH - 65111107**** 246-1 SOLOK SUNGAI ARA 2, KAMPUNG BARU, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: MOHD FAUZI BIN ISHAK - 71122907**** NO.355 PULAU MERTAJAM 13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2	: CHE AZNI BIN AZMI - 61102907**** BLOK 1B-G-05 PANGSAPIRI TAMAN AIR TAWAR INDAH, TELUK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH
No Akaun Peminjam	: 9551 NORAISYAH BINTI ISHAK - 83050907**** 6269 PULAU MERTAJAM 13110 PENAGA, SPU	Penjamin 1	: MOHD FAUZI BIN ISHAK - 71122907**** NO.355 PULAU MERTAJAM 13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA	No Akaun Peminjam	: NOOR ADILASYILA BINTI BAHARIN - 73111907**** 429 MUKIM 1, KUALA MUDA 13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA	No Akaun Peminjam	: CHE AZNI BIN AZMI - 61102907**** BLOK 1B-G-05 PANGSAPIRI TAMAN AIR TAWAR INDAH, TELUK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH

P. Pinang sebagai syurga makanan, mampu pelopori industri pelancongan makanan negara



SALAH seorang pempamer menunjukkan bakatnya mengadun jem daripada buah-buahan segar.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

GEORGE TOWN – Pulau Pinang kini lebih dikenali dengan jolokan ‘syurga makanan’ kerana keunikan, keaslian dan variasi makanan yang terdapat di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, industri pelancongan makanan kini menjadi antara daya tarikan utama kemasukan pelancong sama ada dari dalam maupun luar negara ke Pulau Pinang.

Apatah lagi, tambah beliau, kesedapan dan kepelbagaiannya makanan yang terdapat di Pulau Pinang bukan hanya terhad di jalanan ataupun pusat penjaja, malah juga boleh dinikmati di restoran-restoran mewah serta hotel bertaraf lima bintang.

“Kebanyakan pelancong yang datang ke sini bukan sahaja mahu melihat keindahan Pulau Pinang, bangunan-bangunan warisan, tetapi juga untuk menikmati keaslian makanan Pulau Pinang.

“(Dan) Pulau Pinang mampu mempelopori industri pelancongan makanan negara memandangkan kemasukan pelancong melalui laluan udara bertambah iaitu dari 6.03 juta orang pada 2014 menjadi 6.3 juta (orang) tahun 2015,” ucapnya pada pameran Food & Hotel Penang (FHP) 2016 di sini baru-baru ini.

FHP 2016 diadakan selama tiga hari bermula 15 November sehingga 17 November tahun lalu dengan penyertaan 280 syarikat dari 30 negara seluruh dunia.

Dianjurkan oleh Malaysian Exhibition Services Sdn. Bhd. (MES), FHP 2016 dirasmikan oleh Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim.

Mengetengahkan pemain industri produk makanan daripada pelbagai sektor, antaranya syarikat penyediaan makanan, minuman, hotel, restoran, penyediaan kelengkapan perkhidmatan makanan, bekalan makanan dan teknologi makanan, FHP 2016 merupakan pameran antarabangsa kali kedua selepas penganjurannya pada tahun 2014 yang berjaya memperoleh sambutan menggalakkan.



KETUA MENTERI memerhatikan Duta Besar Itali, Mario Sammartino mencuba salah satu produk kopi pada Pameran FHP 2016 dekat sini baru-baru ini.

PELUANG PERNIAGAAN Halal?

Anjuran:
PIHH
 HALAL PENANG

8th PENANG INTERNATIONAL Halal Expo & Conference

Tarikh & Tempat
24 - 26 FEBRUARI 2017
 Spice Arena, P.Pinang

Diskon 20%!!
TEMPAH BOOTH
 ANDA SEKARANG!
 Dapatkan Diskon Tempahan Awal*
* Sebelum 30 November 2016

HUBUNGI KAMI : SEKRETARIAT PIHEC 2017, Tingkat 44, KOMTAR 10503, P.Pinang
 T: +604-262 5444 | F: +604-263 5444 | E: pihec@halalpenang.com

PihecEvent www.pihec.com.my

PBSS harap kurang kesesakan, minimum tahap pencemaran

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI & NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

GEORGE TOWN – Pulau Pinang mengorak langkah ke arah sebuah negeri berbasikal pertama negara dengan pelaksanaan Sistem Perkongsian Basikal atau *Penang Bike Share System* (PBSS) di sekitar Tapak Warisan Dunia George Town pada 18 Disember lalu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim



RUPA bentuk stesen sistem *LinkBike* di sekitar bandar raya George Town.

Guan Eng pada majlis pelancarannya baru-baru ini berkata, projek tersebut menelan belanja RM1.85 juta yang mana ia merupakan perkongsian pintar dan berkesan di antara sektor awam dan swasta (*Public Private Partnership*, *PPP*) membabitkan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan syarikat pembekal basikal, *Fast Rent Bike* (FRB).

“Sebenarnya, projek seumpama PBSS ini sudah lama dilancarkan di negara-negara maju seperti Amerika

Syarikat, Kanada dan Perancis.

“Kini, kita (Kerajaan Negeri) melalui *PPP* memperkenalkannya di Pulau Pinang dengan harapan ia dapat mengurangkan jumlah kenderaan di atas jalan raya sekitar kawasan George Town, sekaligus membantu meminimumkan tahap pencemaran alam sekitar yang berpunca daripada asap kenderaan.

“PBSS akan menjadi satu alternatif terbaru yang memudahkan pengguna khususnya pelancong untuk meneroka keindahan Tapak Warisan Dunia George Town,” ucapnya pada Majlis Pelancaran PBSS di Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Pada majlis tersebut, Guan Eng ditemani isteri, Betty Chew Gek Cheng; Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Mohd. Rashid Hasnon; Datuk Bandar MBPP, Dato’ Patahiyah Ismail; mantan Pengarah Kawalan Bangunan MBPP, Ar. Yew Tung Seang (kini Setiausaha Bandaraya MBPP), Ahli-ahli Majlis bagi MBPP dan 60 peserta lain menjayakan kayuhan santai dari Padang Kota Lama ke Pasar Raya Gama dengan menggunakan sistem *LinkBike*.

Menurut Guan Eng, buat tempoh permulaan, sejumlah 60 basikal



BEBERAPA Ahli Majlis MBPP yang menjayakan kayuhan santai dari Padang Kota Lama ke Pasar Raya Gama menggunakan sistem *LinkBike* di sini baru-baru ini.

disediakan di 25 stesen terpilih sekitar bandar raya George Town.

“Kita akan menambah bilangan basikal ini kepada 250 unit menjelang Februari 2017,” ujarnya.

Sebagai panduan, pengguna dikehendaki memuat turun aplikasi *LinkBike* menggunakan telefon pintar terlebih dahulu untuk pengesahan kod ketika membuat pinjaman basikal.

Kadar pas sewaan adalah RM2 (termasuk caj 6 peratus GST dan sah untuk 24 jam) bagi setiap sesi, iaitu 30 minit sesi percuma dan 30 minit

berikutnya dikenakan caj RM1/jam.

Terdapat juga pas sewaan bagi tempoh 48 jam (RM3), 72 jam (RM4), 7 hari (RM10) dan 1 tahun (RM30).

Kesemua kadar bagi pas sewaan adalah termasuk cukai GST (Cukai Barang dan Perkhidmatan) 6 peratus dan RM1/jam bagi 30 minit berikutnya.

Maklumat lanjut, sila layari laman sesawang *LinkBike* di <https://www.linkbike.my/> atau muat turun aplikasi melalui *Google Play* dan *App Store*.

Program Satu Pasu, Satu Kedai bakal diperluaskan

Teks dan Gambar : **SYARAFANA ALI ASGAR**

GEORGE TOWN – Program Satu Pasu, Satu Kedai yang diusahakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng bersama-sama para peniaga sekitar Lebuh Carnovan di sini bakal diperluaskan pada masa akan datang.

Lai Heng memberitahu, pada April 2015, sejumlah 60 anak pokok Puding Emas atau nama saintifiknya, *acalypha indica linn* diserahkan kepada para peniaga terpilih di sekitar sini untuk dipelihara.

“Inisiatif penanaman pokok melalui Program Satu Pasu, Satu Kedai ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan Negeri untuk mewujudkan Pulau Pinang sebagai sebuah bandar hijau.

“Hari ini, saya amat bangga melihat anak-anak pokok ini tumbuh dengan sihat dan sempurna hasil jagaan peniaga-peniaga terpilih,” ujarnya ringkas ketika mengadakan lawatan ke sekitar Lebuh Carnovan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Sumber, Penyelidikan dan Pendidikan George Town World Heritage Incorporated (GTWHI), Chuah Ai Kheng.

Di atas kejayaan program tersebut, Lai Heng memberitahu bahawa beliau berhasrat untuk memperbaikkan tumbuhan hijau di kawasan berkaitan dengan mempelbagaikan jenis tumbuhan-tumbuhan.

“Dengan kerjasama kedai-kedai di sini, sejumlah 20 jenis tumbuh-tumbuhan baru akan ditanam kelak,” ujar beliau.



TEH Lai Heng (kanan) bersama pembantunya mengangkat sebuah pasu untuk ditempatkan di premis-premis sekitar Lebuh Carnovan sempena Program Satu Pasu, Satu Kedai di sini baru-baru ini.

Pindaan UBBL 2012, pelan bangunan perlu ciri bangunan hijau

GEORGE TOWN – Setiap permohonan pelan bangunan yang dikemukakan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) perlu mengikuti garis panduan pindaan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) 2012.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, semua permohonan baru yang diterima mulai 1 Januari 2017 adalah tertakluk kepada pindaan UBBL 2012 di bawah Kecekapan Tenaga (Undang-undang Kecil 38A).

“Pindaan ini merangkumi beberapa perkara, tetapi keutamaan adalah setiap permohonan pelan bangunan yang dihantar dan direka bentuk perlu mempunyai ciri-ciri bangunan hijau iaitu mampu mengurangkan kebergantungan kepada elektrik serta keuntungan haba solar.

“Bangunan-bangunan ini bukan sahaja perlu cekap tenaga, malah juga adalah asas utama pelan pembangunan negeri yang mampan bagi masa hadapan sejajar dengan visi ke arah sebuah negeri hijau,” ujarnya pada Majlis Perasmian Kepentingan OTTV (Overall Thermal Transfers Value) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Datuk Bandar MBPP, Dato’ Patahiyah Ismail, mantan Pengarah Kawalan Bangunan MBPP

yang kini merupakan Setiausaha Bandaraya, Ar. Yew Tung Seang dan Pengerusi Malaysia Green Building Confederation (MGBc) Wilayah Utara, Datuk Ar. Lawrence Lim.

Dalam pada itu, Tung Seang memberitahu, Undang-undang Kecil 38A memfokuskan kepada bagaimana sesebuah bangunan tersebut direka bentuk agar pengalihan udara di dalam kediamaan atau bangunan dapat membuatkan penghuni berasa lebih selesa.

“Peratusan besar haba yang masuk ke dalam bangunan adalah melalui bumbung ataupun dinding luar bangunan.

“Justeru, undang-undang ini memerlukan setiap permohonan pelan bangunan mempunyai ciri-ciri bangunan hijau iaitu dari segi reka bentuk, bahan-bahan yang digunakan dan cara yang diguna pakai bagi mengurangkan peratusan tinggi haba memasuki bahagian dalam bangunan,” jelasnya.

Sehingga 15 Disember tahun lalu, rekod *Green Building Index* (GBI) menunjukkan bahawa daripada 717 projek di seluruh negara yang telah berdaftar untuk penarafan bangunan hijau, 371 daripadanya telah memperoleh sijil masing-masing, projek yang diperakurakan adalah dari Pulau Pinang (36) iaitu melibatkan sejumlah 177 juta kaki persegi (kp).

Projek Kita, platform komuniti PPR cadang projek manfaat bantu golongan perlu

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : DARWINA MOHD.
DAUD

GEORGE TOWN – Pengalaman menemani suami menjalani terapi ion detoksifikasi (detox) bagi rawatan dialisis di sebuah pusat perubatan persendirian dalam tempoh hampir empat tahun menjadi ‘guru’ terbaik buat Norjan K.G. Ibrahim, 55, untuk memulakan operasi pusat terapinya sendiri bagi membantu golongan memerlukan.

Sepanjang tempoh menemani suaminya, Norjan yang merupakan Pembantu Penyelia di sebuah perubatan swasta di sini tidak pernah terfikir ia akan menjadi titik tolak buatnya untuk memulakan perkhidmatan pusat terapi sendiri dikenali Pusat Kristal Terapi Ion Detox di Dewan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Jalan Sungai, Sungai Pinang di sini.

Menceritakan pengalamannya, Norjan memberitahu, pada peringkat awal, beliau sering menemani suaminya, Saiful Sulaiman, 43, menjalani terapi ion detox sebanyak empat kali seminggu ekoran penyakit yang dialami.



CHONG Eng (lapan dari kanan), Patahiyah Ismail (bertudung kuning) dan Maimunah Mohd. Sharif (bertudung ungu) bergambar kenangan dengan Norjan K.G. Ibrahim (empat dari kanan) dan para penerima lain pada Majlis Penyerahan Cek dan Perjanjian Penerimaan Dana Projek Penyertaan Rakyat - Projek Kita di sini baru-baru ini.

“Alhamdulillah, setelah sering kali menjalani terapi tersebut, suami menunjukkan perkembangan positif dan semakin pulih.

“Selain membantu membuang toksin di dalam badan, ia juga berfungsi untuk melancarkan peredaran darah. Bermula dari situ, saya mendapat idea untuk membuka pusat ini,” ujarnya kepada Buletin Mutiara pada Majlis Penyerahan

Cek dan Perjanjian Penerimaan Dana Projek Penyertaan Rakyat - Projek Kita di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis tersebut, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng.

Turut serta, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Patahiyah Ismail dan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang

Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif.

Pelaksanaan program Projek Kita adalah di bawah *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dengan kerjasama kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT), MBPP dan MPSP.

Bermodalkan RM6,600 yang diterima daripada dana Projek Kita, Pusat Kristal Terapi Ion Detox bakal memulakan operasi dengan 10 unit mesin nyahtoksin di bawah seliaan empat ahli kumpulan berkaitan.

“Permulaannya, kami beroperasi dengan 10 mesin, sekiranya ia mendapat sambutan menggalakkan, kami akan menambah 10 unit lagi pada masa hadapan.

“Diharap dengan suntikan modal yang diterima ini, ia bukan sahaja bakal membantu golongan wanita menjana pendapatan, malah turut memajukan komuniti setempat.

“Juga turut menjadi harapan saya untuk berbakti kepada masyarakat dan rumah-rumah orang tua khususnya,” ujar ibu kepada lima cahaya mata berkenaan.

Sebanyak 17 kumpulan,

masing-masing 10 kumpulan dari PPR Jalan Sungai dan PPR Ampangan, Seberang Perai Tengah (7) menerima suntikan modal keseluruhan berjumlah RM40,000 bagi memulakan Projek Kita baru-baru ini.

Dalam pada itu, menurut Chong Eng, PWDC dengan kerjasama MBPP dan MPSP sering melaksanakan pelbagai pendekatan perancangan serta pelaksanaan bajet yang responsif demi keperluan komuniti melalui kaedah partisipatori rakyat dalam membuat keputusan.

“Kini, kita berjaya melaksanakan Projek Kita yang merupakan satu penyediaan platform kepada komuniti setempat terutamanya golongan wanita untuk mencadangkan projek dan program yang dapat memberi manfaat kepada komuniti mereka sendiri berdasarkan jumlah dana awam (peruntukan) yang disediakan,” jelasnya.

Di antara projek-projek yang dilaksanakan di kedua-dua PPR tersebut ialah projek makanan sejuk beku (*frozen food*), barang pasar, pertanian, makanan serta minuman, produk kesihatan dan lain-lain.

Fiesta Sukan Komuniti popularkan semula sukan tradisional

SUNGAI BAKAP – Sukan-sukan tradisional seperti tarik upih, terompah tempurung, boling kelapa dan ayunan kain batik seharusnya diperkenalkan semula agar ia kekal segar dan tidak dilupakan generasi muda kini.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng berkata, generasi muda hari ini kebanyakannya tidak mengenali sukan-sukan traditional, malah menganggapnya sudah tidak relevan ekoran kemajuan teknologi.

“Oleh itu, kita (Kerajaan Negeri) melalui Pejabat Daerah dan Tanah akan terus mempromosikan gaya hidup sihat dalam kalangan penduduk setempat termasuk memperkenalkan kembali sukan-sukan tradisional kepada anak-anak muda menerusi Fiesta Sukan Komuniti supaya permainan ini dapat dimainkan semula melalui program-program komuniti.

“Ini kerana sukan tradisional bukan sahaja untuk masyarakat Melayu, malah kaum lain juga boleh turut bermain dan mendalami ia,” ucapnya pada Majlis



AKSI para peserta yang mengambil bahagian dalam acara tarik guni bersempena penganjuran Fiesta Sukan Komuniti Daerah SPS 2016 di sini baru-baru ini.

Perasmian Fiesta Komuniti Seberang Perai Selatan (SPS) di Dewan Serbaguna Sungai Kechil di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap merangkap Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Maktar Shapee dan Ketua Penolong Pegawai Daerah SPS, Huzaimi Ghazali turut serta majlis perasmian tersebut.

Lebih 10 permainan tradisi diketengahkan melibatkan lebih 100 peserta pada penganjuran berkaitan.

Briged Wanita JKKK Taman Nelayan terima sumbangan peralatan memasak

Gambar : PPK

SUMBANGAN MEMASAK...

Briged Wanita Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Nelayan baru-baru ini menerima sumbangan peralatan memasak dari Pusat Khidmat Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Teluk Bahang.

PPKnya, Halil Sabri Hamid berkata, beliau berharap sumbangan tersebut dapat dimanfaatkan sepenuhnya terutamanya kepada komuniti setempat atau Briged Wanita sendiri.



HALIL Sabri Hamid (tengah), Mansor Othman (berkemeja kelabu) serta ahli-ahli Briged Wanita JKKK Taman Nelayan merakamkan gambar kenangan selepas Majlis Penyampaian Sumbangan Peralatan Memasak di sini baru-baru ini.

“Peralatan-peralatan ini haruslah digunakan sebaik-baiknya sama ada ketika mengajurkan program setempat, mahupun bagi mengadakan kelas masakan,” katanya pada berkaitan yang disempurnakan Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ahmad Razaaim Azimi, Zainudin Md Zain (Pengerusi JKKK Taman Nelayan), Nur Sarzalina Sareh Hamid (Ketua Briged Wanita Taman Nelayan).

Antara peralatan diterima ialah ketuhar gelombang mikro, pengisar, periuk, tong gas dan sebagainya.

AES inisiatif Kerajaan Pakatan manfaat keluarga memerlukan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DANNY OOI**

AIR ITAM – Sebanyak 12 keluarga dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam menerima manfaat daripada program Agenda Ekonomi Saksama (AES) kelolaan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang sejak 2009.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai berkata, barisan penerima bukan sahaja terdiri daripada pelbagai latar belakang etnik dan agama, tetapi juga sosial.

“Program AES adalah bukti bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang mengambil berat masalah kemiskinan dalam kalangan rakyat



WONG Hon Wai (enam dari kiri) dan Ramkarpal Singh (lima dari kanan) menyampaikan bantuan tunai AES kepada para penerima dekat Pusat Khidmat ADUN Air Itam baru-baru ini.



PENANG HOT AIR BALLOON FIESTA 2017
4 & 5 FEBRUARY AT PADANG POLO PENANG

- **Balloon activities**
Morning
7.30am - 10.30am
- **Other activities**
7.00am - 9.30pm
- **Balloon activities**
Evening
6.00pm - 9.00pm



For more info

www.penanghotairballoons.com

info@penanghotairballoons.com FB: Penang Hot Air Balloon Fiesta

Supported by
Organiser Co-organiser
AKA BALLOON TLM

my penang 2017
where the excitement never ends

negeri ini.

“Sekiranya pendapatan yang diperoleh sesebuah keluarga kurang daripada RM790 sebulan, maka Kerajaan Negeri akan menambah nilai perbezaan setiap bulan sehingga ia menjadi RM790 setiap bulan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

“Sungguhpun bantuan ini tidak seberapa, namun sekurang-kurangnya dapat membuka jalan dan memberi nafas baru kepada penerima,” ujarnya pada majlis penyampaian bantuan tunai AES kepada empat keluarga kurang mampu di Pusat Khidmat ADUN Air Itam dekat sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh dan Penghulu kawasan Air Itam, Saaddudin Khalid.

Menurut Hon Wai, keempat-empat keluarga tersebut menerima antara RM100 hingga RM470 sebulan mengikut pendapatan bulanan masing-masing.

“Program AES merupakan inisiatif murni Kerajaan Negeri dalam membasmikan kemiskinan tegar di Pulau Pinang dan saya percaya AES akan terus memanfaatkan keluarga yang berpendapatan

rendah dan memerlukan di negeri ini,” jelas beliau yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri.

Berikut adalah senarai penerima baru AES bagi KADUN Air Itam:

- Roshimah Main, 41, dari Jalan Kampung Melayu.
- Jaliza Hashim, 43, dari Jalan Lembah Ria.
- P. Manomnani, 67, dari Jalan Kampung Pisang.
- P. Ringgama, 68, dari Jalan Kampung Pisang.

Sejak Mac 2009 sehingga November 2016, sejumlah 1,334 keluarga seluruh negeri Pulau Pinang menerima manfaat daripada pelaksanaan program AES.

Antara syarat-syarat permohonan AES adalah:

- Warganegara Malaysia
- Bermastautin / menetap di Pulau Pinang
- Memiliki dokumen lengkap seperti:
 - Kad temujanji perubatan
 - Rekod kehadiran / kelahiran bayi
 - Rekod kehadiran warga emas
 - Rekod laporan akademik anak
- Memenuhi syarat Paras Garis Kemiskinan berikut:

Bilangan Ahli Isi Rumah	Kelayakan (berasaskan PGK isi rumah)
1 orang	PGK kurang daripada RM300
2 orang	PGK kurang daripada RM440
3 orang	PGK kurang daripada RM660
4 hingga 5 orang	PGK kurang daripada RM790
6 orang ke atas	PGK perkapita kurang daripada RM220 seorang

The Habitat diiktiraf sebagai Hutan Simpan Biosfera, harapan Allen Tan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

Gambar : **ALISSALA THIAN**

TAHUKAH anda bahawa negeri Pulau Pinang menyimpan khazanah hutan berusia 130 juta tahun?

Bagi mengurai persoalan tersebut, penulis dan jurugambar telah dibawa meneroka satu sisi lain Bukit Bendera iaitu The Habitat.

Untuk sampai ke destinasi, kami menaiki keretapi Bukit Bendera seperti biasa dan apabila tiba di puncak, berjalan terus ke arah kuil Hindu (di sebelah kiri, tidak perlu mendaki ke puncak) dan kelihatan pintu masuk gergasi The Habitat.

Sebaik melepas pintu masuk, kami 'disapa' oleh keunikan bangunan kandang kuda era British yang dibina sekitar 1800-an.

Masih mengekalkan struktur binaan asal, suhu di dalam struktur bangunan tersebut adalah lebih nyaman pada waktu siang serta sedikit panas pada malamnya bagi mengimbangi suhu khatulistiwa dan tanah tinggi di sini.

Kini, ianya dijadikan kaunter tiket sebagai pintu masuk untuk membawa para pengunjung, khususnya pencinta alam semulajadi menerokai alam The Habitat.

Kedatangan kami disambut mesra oleh Pengarah Urusan The Habitat, Allen Tan sebelum diberi taklimat ringkas berdekatan sebuah dataran yang menghadap panorama Laut Andaman.

Menurut Allen, perjalanan kami bakal menempuh trek berturap sejauh 1.6 kilometer (km) dan kepelbagaiannya spesies penghuni-penghuni The Habitat bakal 'menemani' kami.

HIDUPAN FLORA & FAUNA

Haiwan pertama yang menyapa kami adalah seekor tupai berwana hitam kuning ala-ala beruang matahari coraknya. Ianya dinamakan *Black Giant Squirrel* yang sememangnya besar daripada saiz tupai biasa dan sangat jinak. Tanpa segan silu, ia berada begitu dekat dengan pengunjung sambil menikmati hidangan buah-buahan yang tumbuh melata di sini.



ANTARA spesies flora yang terdapat di sini.

Antara spesies lain yang boleh dilihat adalah serangga bersaiz besar. Rama-rama, ulat gongkok yang juga dipanggil ulat sepah bulan oleh masyarakat tempatan, beluncas, semut dan paling mengujakan adalah Tarantula (spesies labah-labah berbisa).

Menurut Allen, setiap bulan, The Habitat melalui Universiti Sains Malaysia (USM) giat menjalankan kajian di sini dan banyak spesies-spesies flora serta fauna terbaru ditemui.



KEUNIKAN salah satu spesies paku-pakis.

TARIKAN

Selain flora dan fauna yang unik, The Habitat turut menempatkan beberapa jenis tarikan menarik bagi dibawa pulang sebagai memori.

Contohnya, tiga buaian gergasi. Sambil dibuai, sambil menikmati kedinginan udara nyaman Bukit Bendera, panorama indah Laut Andaman dan suasana hutan dara yang penuh hiruk-pikuk fauna berpesta pastinya menenangkan jiwa yang gusar.

Sekiranya cuaca baik, pihak The Habitat juga akan mengeluarkan sebuah buaian gergasi mudah alih yang digantung di bawah pokok seakan-akan kelambu.

Bagi perancangan masa depan, Allen memberitahu bahawa The Habitat sedang memajukan sebuah titi gantung sepanjang 230 meter (m) yang menghubungkan lembah-lembah di sini.

"Pengunjung juga boleh mencuba Zip Line atau lebih dikenali dengan nama Flying Fox merangkumi jarak sejauh 700m dan kemungkinan dinobatkan sebagai 'terbang kelawar' terpanjang di Pulau Pinang.

"Pastinya, Zip Line ini mampu menguji degupan jantung pengunjung yang bersedia menghadapi cabaran," ujarnya dalam wawancara khas bersama Buletin Mutiara baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau menyasarkan kedua-dua tarikan utama itu siap menjelang pertengahan tahun 2017.

"Selain keunikan alam semulajadi, Tree Top



Tree Top Walk yang menjanjikan pemandangan 360 darjah.

Walk menjanjikan pemandangan 360 darjah meliputi Gunung Jerai (Kedah), Seberang Perai, Laut Andaman dan Langkawi (jika cuaca baik).

"Tree Top Walk dengan rekaan unik merupakan struktur bertangga dengan platform pada ketinggian 12m. Sekiranya anda berjalan di laluan Tree Top Walk, ia bermakna anda berada di ketinggian 820m dari aras laut.

"Jika mahukan pemandangan lebih menarik, pengunjung disarankan datang ketika matahari terbenam dan sesuai untuk pasangan yang inginkan suasana romantis," ujarnya lanjut.

Bagi pengunjung yang ingin datang ke sini, sila layari dan ikuti perkembangan semasa melalui laman Facebook, The Habitat.

HARAPAN

Allen meletakkan harapan tinggi terhadap The Habitat sebagai pusat kajian dan pembelajaran untuk dikunjungi dan diterokai semua lapisan masyarakat terutamanya golongan kanak-kanak.

Malah, beliau juga yakin bahawa The Habitat mampu muncul sebagai pusat Eko Pelancongan Pulau Pinang bertaraf dunia serta mampu mendapat pengiktirafan dari UNESCO

sebagai Hutan Simpan Biosfera.

"Saya ingin lihat The Habitat muncul sebagai pusat pendidikan setanding Hutan Simpan di Lembah Denom, Banjaran Crocker, Sabah dan The Royal Belum, Perak.

"Jika kita lihat di Kemboja, mereka ada sembilan hutan kajian biosfera seumpama itu, namun di Malaysia, kita baru punya dua.

"Justeru, saya berharap The Habitat mampu muncul sebagai destinasi berikutnya," seru beliau yang merupakan anak jati Pulau Pinang dan berkelulusan dalam bidang guaman.

Info menarik The Habitat @Bukit Bendera:

- The Habitat@Bukit Bendera berkeluasan 10.04 ekar.
- Beroperasi dari 9 pagi hingga 6 petang setiap hari, kecuali Rabu.
- Bayaran RM20 bagi Dewasa dikenakan sekali masuk tidak termasuk Tree Top Walk. Kanak-kanak dan warga emas RM10 dan pakej keluarga, RM50 (dua kanak-kanak dan dua dewasa). Kanak-kanak di bawah umur tiga tahun adalah percuma.
- Nombor telefon, 04 - 826 7677.

(Sambungan di muka 28).



ALLEN Tan (kanan sekali) ketika ditemu bual krew Buletin Mutiara.

Teknologi Wego bantu MPSP pantau kerosakan lampu jalan dengan efisien

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

SEBERANG JAYA - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama di Malaysia yang dipilih oleh *World e-Government of Cities and Local Government* (Wego) dalam merintis Pelaksanaan Sistem Pemantauan Lampu Jalan dan Lampu Isyarat Menggunakan Aplikasi Pintar.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, MPSP amat berbesar hati kerana terpilih dalam pelaksanaan program Wego iaitu sebuah syarikat e-kerajaan berpengkalan di Korea Selatan bersama-sama enam bandar lain seluruh dunia.

"Sistem pemantauan lampu jalan dan lampu isyarat

menggunakan aplikasi pintar ini bakal memudahkan MPSP untuk memantau serta menyelenggara lampu jalan dan lampu isyarat yang rosak dengan lebih cekap serta efisien.

"Sistem ini secara teori sememangnya terbukti berjaya. Sebatang lampu jalan yang rosak mampu dibaiki kurang (daripada) 24 jam," jelasnya ketika melawat lokasi lima tiang lampu perintis pada peringkat ujian di Jalan Perda Utama di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Agung Wego, Nam Young Sook, wakil perunding dari *IGB Consulting*, Lee Seoung Yeong serta beberapa delegasi lain dari Korea Selatan.

Jelas Maimunah, projek kajian berkenaan mengambil tempoh masa 10 bulan bermula dari Oktober 2016 sehingga Julai 2017.

"Jika hasilnya dilihat berjaya, besar kemungkinan kita akan perluaskan pemasangan kaedah

teknologi ini.

"Kini untuk lampu jalan sahaja, MPSP membelanja kira-kira RM10 juta untuk pembiayaan bil elektrik, sebaliknya teknologi ini mampu menjimatkan perbelanjaan selain juga mampu mengawal kadar kecerahan lampu mengikut keadaan," ujarnya.

Tambah Maimunah, dalam usaha ke arah sebuah bandar pintar serta mencapai taraf antarabangsa selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri, MPSP bersedia untuk bekerjasama dengan Wego dalam mendapatkan hasil yang positif.

Dalam pada itu, Seoung Yeong ketika menerangkan secara teknikal menyatakan bahawa sensor dipasang pada tiang lampu dan lampu isyarat.

"Apabila berlaku kerosakan atau cubaan vandalism, isyarat akan terus dihantar ke pusat kawalan...dan dari situ, MPSP terus boleh menghantar pasukan




MAIMUNAH Mohd. Sharif (lima dari kiri) menunjukkan salah satu lampu jalan yang dipasang sensor khas menggunakan teknologi Wego pada sesi lawatan di sini baru-baru ini.

teknikal untuk menanganinya.

"Pendekatan ini adalah lebih mudah dan cepat tanpa perlu menunggu aduan pengguna

mahupun pemantau dari MPSP sendiri," katanya.

Larangan pergerakan kenderaan terus melalui Lebuh McNair bagi atasi kemalangan



WONG Yuee Harng (tengah), Ng Wei Aik (kiri sekali) dan Lau Keng Ee pada majlis sidang media selepas lawatan ke lokasi sekitar Lebuh Cecil yang dipercayai kerap berlaku kemalangan di sini baru-baru ini.

GEORGE TOWN - Bagi mengurangkan kadar kemalangan di persimpangan Lebuh Cecil, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) baru-baru ini meluluskan larangan pergerakan terus melalui Lebuh McNair kepada semua kenderaan dari kedua-dua arah.

Perkara tersebut dimaklumkan Ahli Majlis MBPP, Nur Zarina Zakaria ketika membentangkan pengesahan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Lalu Lintas pada Mesyuarat Biasa Majlis yang berlangsung kali terakhir bagi sesi 2016 di sini baru-baru ini.

Terdahulu, Ahli Majlis MBPP, Wong Yuee Harng turut membangkitkan masalah yang sama apabila pihaknya (MBPP) banyak menerima aduan berhubung insiden

kemalangan yang acap kali berlaku di kawasan tersebut.

Yuee Harng berkata, larangan tersebut adalah penting susulan kemalangan yang kerap berlaku, meskipun pihak Majlis telah membuat garisan kuning di Lebuh Cecil.

"Sebelum ini, pihak MBPP telah membuat garisan kuning di lokasi berkaitan agar pemandu lebih berwaspada ketika membuat lintasan di antara Lebuh McNair, tapi malangnya kemalangan masih lagi berlaku," ujarnya ketika melakukan tinjauan tapak ke kawasan terbabit sebelum kelulusan berkaitan.

Turut hadir pada lawatan berkaitan, Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Lau Keng Ee.

Pasukan Futsal MBPP layak ke LFK 2017

GEORGE TOWN - Pasukan futsal Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menepati ramalan apabila layak ke Liga Futsal Kebangsaan (LFK) 2017 selepas mengharungi perlawanan tanpa kalah pada pusingan kelayakan baru-baru ini.

Pada saingan kelayakan, Pasukan MBPP menewaskan Kuantan Rangers (Pahang), 4-3; menewaskan Angkatan Tentera Malaysia, 5-1; membela KSMR Kangar (Perlis), 10-4 sebelum seri 3-3 dengan Pulau Pinang.

Seumpas perlawanan berlangsung di Kompleks Sukan Panasonic Shah Alam, Selangor pada 22 dan 23 Disember lalu.

Sebelum berlepas, Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail juga melahirkan keyakinan dan optimis bahawa pasukan MBPP akan layak ke LFK 2017.

"Saya yakin bahawa pasukan MBPP mampu layak ke LFK 2017. Justeru, para pemain harus berusaha keras dan menghadapi saingan secara profesional," ujarnya pada Majlis Penyerahan Bendera kepada Kontinen Futsal MBPP sebelum ini.

Pada majlis sama, Patahiyah turut merasmikan jersi baharu pasukan futsal MBPP.



PATAHIYAH Ismail (kiri sekali) bergambar kenangan bersama-sama sebahagian pemain futsal MBPP yang memperagakan jersi baharu pada majlis perasmianya di sini baru-baru ini.

MBPP capai 30% penyertaan wanita sebagai Ahli Majlis

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : ALISSALA THIAN & DARWINA MOHD. DAUD

GEORGE TOWN – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mencipta sejarah tersendiri apabila menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama dalam negara mencapai kadar 30 peratus penyertaan ahli majlis wanita pada lantikan sesi 2017.

Daripada jumlah 24 Ahli Majlis MBPP yang dilantik, lapan daripadanya merupakan wanita.

Ahli Majlis MBPP, **SYERLEENA ABDUL RASHID** ketika ditemui ternyata gembira dengan perkembangan positif berkenaan kerana beliau yang telah memegang jawatan sebagai ahli majlis selama tiga penggal, sememangnya acap kali memperjuangkan isu-isu wanita.

“Ini merupakan satu langkah positif seiring dengan apa yang saya perjuangkan selama ini. Sememangnya negeri dan negara khususnya, memerlukan lebih ramai penglibatan golongan wanita dalam politik serta membuat keputusan.

“Seperti mana yang dinyatakan oleh Bangsa-bangsa Bersatu (UN), untuk mengubah sesebuah masyarakat yang inklusif, sesebuah negara memerlukan penyertaan minimum 30 peratus wanita,” ujarnya sambil menyatakan bahawa beliau akan terus memperjuangkan polisi serta undang-undang kecil berhubung wanita dan kanak-kanak.

Bagi Ahli Majlis MBPP dilantik, **A. KUMARESAN**, beliau melahirkan harapan agar suatu masa kelak, Pulau Pinang akan mewujudkan laluan khas bas di bahagian pulau untuk mengurangkan masalah kesesakan di sini.

“Laluan khas (bas) ini mampu menggalakkan masyarakat untuk menggunakan perkhidmatan awam, sekaligus bakal mengurangkan kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang,” ujarnya ketika ditemui Buletin Mutiara selepas Majlis Pengakuan Menerima Jawatan Ahli-ahli Majlis MBPP di sini baru-baru ini.

Sejumlah 47 Ahli-ahli Majlis MBPP dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan bersama-sama barisan Ahli Majlis MBPP wanita pada Majlis Pengakuan Menerima Jawatan Ahli-ahli Majlis MBPP di sini baru-baru ini.

yang terdiri daripada wakil parti DAP, PKR, Amanah dan badan bukan kerajaan (NGO) mengangkat sumpah menerima jawatan masing-masing berkuatkuasa 1 Januari sehingga 31 Disember 2017.

Majlis Pengakuan Menerima Jawatan Ahli-ahli Majlis MBPP dan MPSP berlangsung di hadapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (Timbalan Ketua Menteri I), Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir), Dato' Seri Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri) dan Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail dan Yang di-Pertua (YDP) MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya berkata, **kejayaan kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT)** bukan semata-mata bergantung kepada pengurusan yang berwibawa, sebaliknya adalah daripada hasil sokongan, komitmen dan ‘team work’ semua ahli-ahli majlis, pegawai serta semua kakitangan.

“Anda (Ahli-ahli Majlis) semua harus menjalankan tanggungjawab secara 3B (bersih, bijak dan berani) agar memberikan perkhidmatan 3A (*available, accessible and affordable*) untuk mengatasi masalah 3C (*crime, cleanliness and congestion of traffic*) yang merangkumi kerja 3D (*dirty, difficult and dangerous*) agar kita menjadi kerajaan berjiwa rakyat 3E (*enable, empower and enrich*). ”

“Malah, semua ahli-ahli majlis harus bersifat 3F (*first, fast and faithful*) agar kita memimpin dengan menjadi yang pertama menjalankan sesuatu tugas secara pantas dalam 3G (*green, gender sensitive and generation rated*),” ujarnya

yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih pada majlis berkaitan.

Bagi Ahli Majlis MPSP baru dilantik, **DR. SEOW KWENG TIAN**, beliau melihat harapan Ketua Menteri untuk menjadikan Seberang Perai sebagai penggerak utama pembangunan ekonomi negeri adalah amat bertepatan, kerana pada pengamatannya, Seberang Perai telah banyak berkembang pesat kini berbanding lapan tahun lalu.

“Banyak perkembangan dan pembangunan yang berlaku di sini (Seberang Perai) kerana tanah yang terhad di kawasan pulau, maka pembangunan banyak tertumpu serta beralih ke bahagian Seberang (Perai).

“Untuk memastikan MPSP lebih maju pada masa hadapan, aduan rakyat perlu diteliti serta diberikan perhatian dan semua aduan-aduan ini memerlukan maklum



SYERLEENA Abdul Rashid.



DR. Seow Kweng Tian.

balas segera,” ujar beliau.

*Sila rujuk muka 15 bagi senarai penuh Ahli-ahli Majlis MBPP dan MPSP berserta nombor telefon masing-masing.



POSE menarik Chow Kon Yeow (tengah) sambil diapit Setiausaha Bandaraya MBPP, Ar. Yew Tung Seang dan Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud.



A. Kumaresan.

ADUN Seberang Jaya rai pelajar cemerlang UPSR

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

SEBERANG JAYA - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin baru-baru ini menyampaikan insentif pendidikan kepada 73 pelajar cemerlang yang mendapat keputusan 5A dan ke atas dalam Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR) tahun 2016.

Ketika berucap, Afif berkata, mutu soalan UPSR yang kian mencabar mungkin sebab utama jumlah penerima intensif pelajar cemerlang kali ini berkang berbanding tahun lalu.

"Memang setiap tahun kita mengadakan program anugerah kepada pelajar cemerlang di KADUN (Kawasan Dewan Undangan Negeri) Seberang Jaya dan Parlimen Permatang Pauh.

"Kalau tahun 2015, kita beri kepada 150 pelajar cemerlang UPSR, tapi mungkin kerana soalan peperiksaan yang semakin sukar pada lalu, 73 pelajar cemerlang sahaja layak menerima insentif kali ini," jelasnya yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan pada majlis berkaitan di sini

baru-baru ini.

Jelas Afif, sejak 2009, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan melabur dalam sektor pendidikan melalui pemberian RM100 kepada pelajar tahun 1 dan 4 serta murid tingkatan 1 dan 4; RM1,000 kepada mahasiswa daftar masuk universiti awam dan beberapa universiti swasta terpilih.

Selain itu, menurutnya, Kerajaan Negeri melalui *Penang Future Foundation Fund* turut menyediakan biasiswa penuh, layak dimohon oleh mahasiswa cemerlang.

Dalam perkembangan lain, Afif turut menggalakkan waris membawa anak-anak ke *The TOP @ Komtar (The TOP)* kerana di sana terdapat Jurassic Research Center, Penang Tech Dome dan pusat pembelajaran luar kelas lain.

"Sejak 2009, Kerajaan Negeri dengan kerjasama industri swasta mewujudkan pelbagai pusat pembelajaran dalam bidang sains dan teknologi, kerana ini adalah pelaburan sektor pendidikan untuk memastikan sumber tenaga mahir masa depan senantiasa mencukupi," ujar beliau.



DR. Afif Bahardin (dua dari kanan) menyampaikan sijil penghargaan dan token kepada salah seorang penerima pada Majlis Penghargaan Pelajar Cemerlang UPSR 2016 di sini baru-baru ini.

Bengkel Bahasa Inggeris percuma, semai minat pelajar

TANJUNG TOKONG

Dalam mengisi masa lapang sempena cuti penggal persekolahan baru-baru ini, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari bersama sebuah institusi pendidikan swasta, *GPEX* mengadakan Bengkel Bahasa Inggeris Percuma kepada 34 pelajar sekolah rendah.

Menurut Zairil, inisiatif tersebut adalah bagi memupuk minat pelajar khususnya di sekitar Tanjung Tokong untuk meminati subjek Bahasa Inggeris.

"Saya ingin pelajar-pelajar ini minat berbahasa Inggeris dan dapat menguasainya dengan baik kerana ia merupakan bahasa perantaraan yang sangat penting di dunia ketika ini."

"Lihat sahaja subjek-subjek Sains dan Matematik, buku-buku rujukan universiti dan internet, semuanya menggunakan bahasa Inggeris."

"Jika dari peringkat sekolah rendah pelajar-pelajar sudah membelakangkan subjek ini, saya bimbang mereka akan ketinggalan," ujarnya pada penganjuran bengkel tersebut di Dewan Orang Ramai Pangaspuri Tanjung Tokong baru-baru ini.



ZAIRIL Khir Johari (kemeja putih) dan Chris Lee Chun Kit (kanan sekali) beramah-mesra dengan para pelajar yang menyertai Bengkel Bahasa Inggeris percuma di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Chris Lee Chun Kit.

Dalam pada itu, Zairil turut melihat bengkel berkaitan mampu membantu pelajar-pelajar kurang berkemampuan untuk mengikuti kelas tambahan seperti tuisyen.

"Saya juga berhasrat meneruskan program seperti ini pada masa hadapan jika ibu bapa dan pelajar menunjukkan minat yang tinggi terhadap penganjuran ini," jelasnya.

Pada bengkel selama sehari tersebut, *GPEX* membawa guru-guru khas dari Australia untuk menjayakan program berkaitan.

Pam baru lancar bekalan air ke 44 unit rumah Taman Sri Timur

GANTI BAHARU... Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai baru-baru ini memperuntukkan RM30,000 bagi menggantikan set pam air Taman Sri Timur di sini.

Katanya, peruntukan tersebut bakal melancarkan bekalan air ke 44 unit rumah taman tersebut.

"Selain itu, pam berkaitan juga mampu menyediakan bekalan air yang lebih bertekanan tinggi dan bersih kepada penduduk di sini."

"Apa yang penting adalah saya

mau penduduk di sini dapat menikmati bekalan air yang lebih baik berbanding sebelum ini yang kerap menghadapi masalah.

"Selain set pam air, turut digantikan termasuk tangki dan kotak suis pam," jelasnya ketika mengadakan lawatan ke Rumah Pam Taman Sri Timur di sini baru-baru ini.

Tambah Hon Wai, dengan kemudahan tersebut, ia bakal memberikan keselesaan kepada lebih 200 penduduk di taman berkenaan.



WONG Hon Wai (kiri sekali) bersama-sama beberapa penduduk meninjau keadaan pam baru di Rumah Pam Taman Sri Timur di sini baru-baru ini.

Galakan ibu bapa penting demi lahir generasi seimbang ilmu, sahsiah

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

GEORGE TOWN - Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim menyeru agar ibu bapa dapat memainkan peranan yang lebih efektif termasuk memberi galakan kepada anak-anak dalam proses pembelajaran dan kehidupan golongan berkaitan.

Inisiatif tersebut, jelas beliau, adalah demi melahirkan generasi hadapan yang bukan sahaja seimbang dari segi ilmu pengetahuan, malah juga sahsiah.

Abdul Malik berkata demikian ketika hadir pada Majlis Penutupan Program Pembelajaran Kreatif Menggunakan Bahasa Inggeris di perkarangan Padang Kota Lama, di sini baru-baru ini.

Menurut beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, pendidikan merupakan

teras utama.

"Namun, pembangunan sahsiah juga sama penting. Justeru, galakan serta penyertaan ibu bapa dalam program-program ilmiah yang disertai anak masing-masing perlu diberi perhatian," ujarnya yang turut menzahirkan ucapan syabas dan tahniah kepada pengajur serta peserta program tersebut.

Dianjurkan bersama Penang Education Council (PEC) dan Pusat Khidmat ADUN Batu Maung, program bertemakan 'Unleashing the Creativity in Me' tersebut disertai 31 kanak-kanak sekolah rendah dari KADUN Batu Maung.

Serentak itu, Abdul Malik turut menyampaikan pensijilan Halal JAKIM kepada pemilik So Sushi, Zulkarnain Ablah.

So Sushi merupakan restoran makanan Jepun Bumiputra yang pertama mendapat pensijilan Halal di Pulau Pinang.



ABDUL Malik Abul Kassim (barisan belakang, tengah) merakam gambar kenangan bersama-sama sebahagian peserta Program Pembelajaran Kreatif Menggunakan Bahasa Inggeris di sini baru-baru ini.

Nasib pemilik kediaman terjejas akibat tanah runtuhan dibela

PULAU TIKUS

Kerajaan Negeri melalui Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey sedia memberi keutamaan menawarkan unit-unit rumah kos rendah/kos sederhana rendah kepada para pemilik kediaman yang terlibat dengan kejadian tanah runtuh di Ladang Hong Seng, Mount Erskine di sini baru-baru ini.

Kata Soo Huey, sebelum ini, Kerajaan Negeri turut mengambil langkah keselamatan dengan memanggil kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja penstabilan cerun sejurus kejadian tanah runtuh pada 7 November lalu.

"Kerja-kerja penstabilan cerun sudah siap, namun atas nasihat pakar melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), sebahagian keluarga terlibat masih dipindahkan kerana dikhawatir masih ada pergerakan tanah dari bahagian dalam."

"Kita arahkan keluarga terlibat untuk berpindah ke Dewan Orang Ramai Ladang Hong Seng, namun mereka memilih untuk tinggal di rumah saudara-mara dan kenalan masing-masing," jelasnya pada sesi lawatan



YAP Soo Huey (tengah) dan Cheah Kah Peng (kanan sekali) menunjukkan kesan rekahan membabitkan salah sebuah kediaman di sini baru-baru ini.

ke tapak runtuhan cerun Ladang Hong Seng di sini baru-baru ini.

Hadir sama, ADUN Kebun Bunga, Cheah Kah Peng dan Setiausaha MBPP, Ar. Yew Tung Seang.

Tambah Soo Huey, sekiranya unit-unit rumah baharu diluluskan, berkemungkinan penduduk terlibat boleh berpindah ke rumah tersebut menjelang suku pertama 2017.

Pada 7 November lalu, kejadian tanah runtuh di sini telah menyebabkan beberapa kerosakan membabitkan tujuh kediaman termasuk tempat meletak kereta.

30 pelajar cemerlang UPSR terima insentif tunai, penghargaan



SEBAHAGIAN 30 penerima merakam gambar kenangan bersama Ketua Menteri pada Majlis Penghargaan Pelajar Cemerlang UPSR 2016 KADUN Air Putih di sini baru-baru ini.

Gambar : **ALISSALA THIAN**

PENGHARGAAN...

Seramai 30 pelajar dari Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Putih yang memperoleh keputusan cemerlang dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun 2016 baru-baru ini menerima insentif tunai dan sijil penghargaan daripada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.


Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih berkata, insentif tersebut adalah sebagai penghargaan dan galakan kepada pelajar berkenaan untuk terus mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik.

"Setiap kejayaan yang dicapai bukan sahaja membuatkan ibu bapa berbangga, malah juga sekolah dan seterusnya negeri Pulau Pinang."


"Diharap, insentif dan penghargaan yang diberikan ini akan menjadi pembakar semangat kepada semua pelajar untuk lebih berjaya pada masa hadapan," ujarnya yang turut meluangkan masa kira-kira sejam memberi kata-kata semangat kepada para penerima berkaitan.

Turut hadir, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Joseph Ng Soon Siang serta Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Sempadan, P. R. Kaliyappan.

(Dari muka 23).



LANDSKAP menarik batu-bata yang menjadi habitat tumbuhan liar.



KEINDAHAN khazanah hutan berusia 130 tahun di The Habitat.




SPESIES bunga letup-letup yang menarik perhatian lensa Buletin Mutiara.



DENAI dengan landskap menarik.



ANTARA spesies labah-labah yang boleh ditemui.



Black Giant Squirrel sedang menikmati santapannya.

1 – 15 Januari, 2017

Mutiara^{bulletin}